BUKAN UNTUK DIJUAL

KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SELANGOR

SELANGOR

TUISYEN RAKYAT PTRS SELANGOR

PROGRAM TUISYEN RAKYAT SELANGOR 2026

SAINS

DWIBAHASA

TINGKATAN 4



MALAYSIA MADANI

KITASELANGOR

DIKUASAI OLEH:

MBI
Menteri Besar Selangor (Incorporation)

BUKAN UNTUK DIJUAL

KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SELANGOR

SELANGOR

TUISYEN RAKYAT PTRS SELANGOR

PROGRAM TUISYEN RAKYAT SELANGOR 2026

SAINS

DWIBAHASA

TINGKATAN 4

BUKAN UNTUK DIJUAL

Program Tuisyen Rakyat Selangor
Sains Tingkatan 4

CIRI-CIRI EKSKLUSIF

- Modul ini dibina mengikut silibus Sains KSSM dan disusun mengikut bab Tingkatan 4.
- Soalan dibina berdasarkan Format SPM terkini (2025).
- Latihan diberikan merangkumi pelbagai aras yang membolehkan guru mencakupi keperluan murid.
- Guru boleh mempraktikkan kaedah latih tubi berperingkat mahupun latih tubi kendiri kepada murid.
- 2 set Kertas Model Tingkatan 4 dibekalkan di dalam modul.
- Skema jawapan dibekalkan bagi memberi panduan kepada guru dan murid untuk menjawab mengikut kehendak soalan.
- Penggubal modul berpengalaman luas dalam subjek Sains SPM sebagai Jurulatih Utama dan penulis.

PANEL PENULIS

Abdullah Bin Hasmam
SAMT Tengku Ampuan Rahimah

Nurlatifah Binti Yaamat
SMK Bukit Kuching Tengah

Siti Nor Akmar Binti Mohd Jalaludin
SMK Puchong Permai

Tengku Azlin Binti Tuan Mohd Zain
SMK Syed Mashor

Effendi Bin Sumali
SMK Jugra

Wan Rizalmi Bin Wan Hanafi
SMK Dato' Abu Bakar Baginda

BUKAN UNTUK DIJUAL

KANDUNGAN

Format Instrumen Peperiksaan SPM Sains iv

Analisis Soalan SPM 2023 – 2025 *Sains Kertas* 2 (1511/2) v

Teknik Menjawab Soalan Kemahiran Proses Sains (KPS) vi

BAB 1 Langkah Keselamatan di dalam Makmal 1-11
Safety Measures in the Laboratory

BAB 2 Bantuan Kecemasan 12-19
Emergency Help

BAB 3 Teknik Mengukur Parameter Kesihatan Badan 20-30
Techniques of Measuring the Parameters of Body Health

BAB 4 Teknologi Hijau dalam Melestarikan Alam 31-38
Green Technology for Environmental Sustainability

BAB 5 Genetik 39-50
Genetics

BAB 6 Sokongan, Pergerakan dan Pertumbuhan 51-63
Support, Movement and Growth

BAB 7 Koordinasi Badan 64-71
Body Coordination

BAB 8 Unsur dan Bahan 72-80
Elements and Substances

BAB 9 Kimia Industri 81-92
Chemicals in Industry

BAB 10 Kimia dalam Perubatan dan Kesihatan 93-103
Chemicals in Medicine and Health

BAB 11 Daya dan Gerakan 104-116
Force and Motion

BAB 12 Tenaga Nuklear 117-126
Nuclear Energy

Kertas Model Tingkatan 4 Set 1 127-152

KOLEKSI VIDEO

JAWAPAN

KERTAS MODEL TINGKATAN 4 SET 2

BUKAN UNTUK DIJUAL

FORMAT INSTRUMEN PEPERIKSAAN SPM SAINS

Bil.	Perkara	Kertas 1 (1511/1)	Kertas 2 (1511/2)
1	Jenis Instrumen	Ujian Bertulis	
2	Jenis Item	Objektif Aneka Pilihan	• Subjektif Berstruktur • Subjektif Respon Terhad • Subjektif Respon Terbuka
3	Bilangan Soalan	40 soalan (40 markah) (Jawab **semua** soalan)	**Bahagian A:** (20 markah) • 4 item (Jawab **semua** soalan) **Bahagian B:** (38 markah) • 6 item (Jawab **semua** soalan) **Bahagian C:** (22 markah) • 1 item (10 markah) dan • 2 item (12 markah) (Jawab **satu** soalan)
4	Jumlah Markah	40 markah	80 markah
5	Konstruk	Mengingat Memahami Mengaplikasi Menganalisis	Mengingat Memahami Mengaplikasi Menganalisis Menilai Mencipta
6	Tempoh Ujian	1 jam 15 minit	2 jam 30 minit
7	Cakupan Konstruk	Standard kandungan dan standard pembelajaran dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) KSSM (Tingkatan 4 dan Tingkatan 5)	
8	Aras Kesukaran	Rendah : Sederhana : Tinggi 5 : 3 : 2	
9	Kaedah Penskoran	Dikotomus	Analitik
10	Alatan Tambahan	Kalkulator saintifik	

BUKAN UNTUK DIJUAL

ANALISIS SOALAN SPM 2023-2025 SAINS KERTAS 2 (1511/2)

Bab	Subtopik	Tahun		
		2023	2024	2025
Bab 1: Langkah Keselamatan dalam Makmal	1.1 Peralatan perlindungan diri			
	1.2 Pembuangan bahan sisa			
	1.3 Pemadam kebakaran			
Bab 2: Bantuan Kecemasan	2.1 Resusitasi Kardiopulmonari			
	2.2 *Heimlich Manoeuvre*			
Bab 3: Teknik Mengukur Parameter Kesihatan Badan	3.1 Suhu badan			
	3.2 Kadar denyutan nadi		S5: Tekanan darah	
	3.3 Tekanan darah			
	3.4 Indeks Jisim Badan (*Body Mass Index, BMI*)			
Bab 4: Teknologi Hijau dalam Melestarikan Alam	4.1 Kelestarian alam sekitar	S9: Sektor bangunan		
	4.2 Sektor tenaga			S13: Sektor tenaga
	4.3 Sektor pengurusan sisa dan air sisa		S9: Pengurusan sisa dan air sisa	
	4.4 Sektor pertanian dan perhutanan			
	4.5 Sektor pengangkutan			S13: Sektor pengangkutan
	4.6 Teknologi Hijau dan kehidupan			
Bab 5: Genetik	5.1 Pembahagian sel	S5: Mitosis		
	5.2 Pewarisan			
	5.3 Mutasi			S5: Mutasi kromosom
	5.4 Teknologi kejuruteraan genetik			
	5.5 Variasi			S1: Variasi tak selanjar
Bab 6: Sokongan, Pergerakan dan Pertumbuhan	6.1 Sokongan, pergerakan dan pertumbuhan haiwan		S11: Eksperimen kekuatan tulang	
	6.2 Pergerakan dan pertumbuhan manusia			S10: Sistem rangka manusia
	6.3 Sokongan, pertumbuhan dan kestabilan dalam tumbuhan	S1: Pola pertumbuhan tumbuhan		
Bab 7: Koordinasi Badan	7.1 Sistem endokrin manusia			S12: Pankreas dan insulin
	7.2 Gangguan kepada koordinasi badan		S8: Dadah	
	7.3 Minda yang sihat			
Bab 8: Unsur dan Bahan	8.1 Asas jirim			
	8.2 Jadual Berkala Unsur Moden	S6: Jadual Berkala Unsur		
	8.3 Isotop			
Bab 9: Kimia Industri	9.1 Aloi	S3: Logam tulen dan aloi S8: Keluli	S1: Tahan kakisan	
	9.2 Kaca dan seramik			
	9.3 Polimer	S8: Getah		S4: Kekenyalan getah
Bab 10: Kimia dalam Perubatan dan Kesihatan	10.1 Perubatan tradisional, perubatan moden dan perubatan komplementari			
	10.2 Radikal bebas			S6: Radikal bebas
	10.3 Bahan antioksida		S3: Pengoksidaan	
	10.4 Produk kesihatan			
Bab 11: Daya dan Gerakan	11.1 Gerakan linear			
	11.2 Graf gerakan linear			
	11.3 Pecutan graviti dan jatuh bebas			
	11.4 Jisim dan inersia	S4: Inersia	S2: Inersia	
Bab 12: Tenaga Nuklear	12.1 Penggunaan tenaga nuklear			
	12.2 Penghasilan tenaga nuklear	S12: Tenaga nuklear		
	12.3 Impak penggunaan tenaga nuklear	S12: Tenaga nuklear		
	12.4 Tenaga nuklear di Malaysia			

BUKAN UNTUK DIJUAL

TEKNIK MENJAWAB SOALAN KEMAHIRAN PROSES SAINS (KPS)

Bil	KPS	Cara menulis jawapan
1	Pemerhatian/ perbandingan **Tips:** • Apa yang dilihat/ ada kaitan dengan PB. • Jawapan mesti yang dapat dilihat/ ditengok/ diperhati daripada jadual/ rajah/ keputusan eksperimen. • Tengok/ lihat/ perhati pada jadual/ rajah/ maklumat yang diberi. • Cari PB/ hasil eksperimen dalam jadual/ rajah.	Mulakan ayat dengan PM1 PB manakala/ daripada/ berbanding PM2 Contoh: • Hirisan epal di dalam air suling menjadi perang **manakala** hirisan epal di dalam jus oren tiada perubahan. • Individu berumur 1 tahun mempunyai kadar denyutan nadi lebih tinggi **daripada** individu berumur 50 tahun.
2	Inferens/ nyatakan alasan kepada pemerhatian/ terangkan pemerhatian **Tips:** • Berikan sebab/ penjelasan kepada pemerhatian. • Perbezaan pada PM • Menghubungkan pemerhatian dengan teori/ konsep sains • Pemerhatian + kerana + alasan (PM/ Teori/ Konsep Sains)	Mulakan ayat pemerhatian + kerana + alasan (rujuk pada klu soalan) Contoh: • Hirisan epal di dalam air suling menjadi perang **kerana** proses pengoksidaan berlaku pada permukaan hirisan epal. • Individu berumur 1 tahun mempunyai kadar denyutan nadi lebih tinggi **kerana** individu ini lebih aktif dan bertenaga.

Pemerhatian		Inferens/ Teori/ Konsep
Bubur nutrien menjadi keruh	kerana	ada pertumbuhan bakteria.
Luas kawasan jernih terbentuk/ lebih besar		tiada pertumbuhan bakteria/ bakteria mati.
Lateks menggumpal		kehadiran ion positif pada asid.
Air kapur menjadi keruh		kehadiran gas karbon dioksida.

Bil	KPS	Cara menulis jawapan
3	Hipotesis **Tips:** • Semakin …….PM, semakin ……. PB • Jika PM, maka PB • Ayat penyata: PM, PB	Hubungan antara PM dan PB (a) PM/ PB ada pola/ nombor **Tips:** Semakin …… PM, semakin……PB Petunjuk: …….bertambah/ meningkat/ tinggi/ berkurang/ rendah/ kecil Contoh: • Semakin **bertambah** jisim pemberat, semakin **bertambah** tempoh ayunan
		(b) PM/ PB tiada pola/ nombor **Tips:** Jika PM, maka PB Contoh: • Jika hirisan epal direndam di dalam air suling, maka perubahan warna hirisan epal menjadi perang.
		(c) Dalam bentuk pernyataan. Contoh: • Wanita mempunyai kadar denyutan nadi lebih tinggi daripada lelaki. • Tulang berongga lebih kuat daripada silinder padat. • Aloi lebih tahan kakisan berbanding logam tulen. • Aloi lebih keras berbanding logam tulen.
4	Hubungan **Tips:** Boleh ditulis seperti hipotesis	Melibatkan antara PM dan PB (rujuk soalan) Contoh: • Semakin **bertambah** jisim pemberat, semakin **bertambah** tempoh ayunan.
5	Pemboleh ubah **Tips:** Pemboleh ubah dimanipulasikan: PM Pemboleh ubah bergerak balas: PB Pemboleh ubah bergerak balas/ Konsep: PB/K Pemboleh ubah bergerak balas/ Nampak: PB/N Pemboleh ubah dimalarkan: PDm	Menulis pemboleh ubah Parameter + bahan Contoh: • Jenis warna • Jenis rod • Jisim logam • Jisim air Pemboleh ubah TANPA PARAMETER Contoh: • Inersia • Tekanan • Suhu • Masa • Umur Contoh PB/N: • Kekeruhan bubur nutrien • Bilangan daun • Saiz akar anak pokok • Bilangan buku teks yang boleh disokong

BUKAN UNTUK DIJUAL

<table>
<tr><th>Bil</th><th>KPS</th><th>Cara menulis jawapan</th></tr>
<tr><td></td><td></td><td>Contoh PB/K
• Pertumbuhan bakteria
• Kadar tindak balas
• Kekerasan logam
• Pertumbuhan anak benih
• Ketahanan kakisan</td></tr>
<tr><td>6</td><td>Faktor yang diubah/ diganti/ ditukar/ dikaji = PM</td><td>Apa yang diubah/ berbeza?
Contoh:
• Umur
• Jenis silinder</td></tr>
<tr><td>7</td><td>Cara mengawal faktor yang diubah/ diganti/ ditukar/ dikaji

Tips: Rujuk PM</td><td>Mulakan ayat:
Kata kerja (KK) + (bil) PM + yang berbeza + iaitu.....
Contoh:
• Menggunakan 2 umur yang berbeza, iaitu 2 tahun dan 18 tahun.</td></tr>
<tr><td>8</td><td>Faktor yang diperhati/ dilihat = PB/N</td><td>Apa yang diperhati/ apa hasil eksperimen
Contoh:
• Bilangan buku teks yang boleh disokong</td></tr>
<tr><td>9</td><td>Cara mengawal faktor yang diperhati/ dilihat

Tips: Rujuk PB/N</td><td>Mulakan ayat:
Kata kerja (KK) + PB/N dengan menggunakan (sekiranya ada radas.....
Contoh:
• Mengira bilangan buku teks yang boleh disokong.</td></tr>
<tr><td>10</td><td>Faktor yang dikawal/ ditetapkan = PDm</td><td>Apa yang digunakan sama sepanjang eksperimen.
Contoh:
• Jenis epal</td></tr>
<tr><td>11</td><td>Cara mengawal faktor yang dikawal/ ditetapkan = Langkah berjaga-jaga
Tips: Rujuk PDm</td><td>Mulakan ayat:
Kata kerja (KK) + PDm + yang sama
Contoh:
• Menggunakan jenis epal yang sama.</td></tr>
<tr><td>12</td><td>Ramalkan/ Apakah nilai bacaan jika
Tips:
Elakkan berikan jawapan
• Kurang daripada …….
• Lebih daripada …….
• Antara 30–40</td><td>Perlu nyatakan dalam bentuk angka/ nombor
Contoh:
• 110 bpm
• 45.00 cm^3</td></tr>
<tr><td>13</td><td>Tujuan eksperimen</td><td>Mulakan ayat:
Untuk mengkaji hubungan antara PM dan PB
Contoh:
• Untuk mengkaji hubungan antara jisim pemberat dan tempoh ayunan.
• Untuk mengkaji hubungan antara jenis larutan dan pengoksidaan buah epal.
• Untuk mengkaji hubungan antara masa dan ketinggian anak benih.</td></tr>
<tr><td>14</td><td>Pernyataan masalah</td><td>Mulakan ayat:
Adakah PM mempengaruhi PB?
Contoh:
• Adakah jenis silinder mempengaruhi bilangan buku teks yang boleh disokong?</td></tr>
<tr><td>15</td><td>Jangkaan pemerhatian

Tips:
Perlu membina jadual bersama keputusan.</td><td>Contoh:
<table>
<tr><th>Jenis silinder</th><th>Bilangan buku teks yang boleh disokong</th></tr>
<tr><td>Padat</td><td>15</td></tr>
<tr><td>Berongga</td><td>35</td></tr>
</table>
<table>
<tr><th>Jenis aktiviti fizikal</th><th>Kadar denyutan nadi</th></tr>
<tr><td>Berehat</td><td>68</td></tr>
<tr><td>Berjalan</td><td>78</td></tr>
<tr><td>Berlari</td><td>120</td></tr>
</table></td></tr>
</table>

BUKAN UNTUK DIJUAL

Bil	KPS	Cara menulis jawapan
16	Definisi secara operasi (DSO) **Tips:** Formula 7 langkah	Mulakan ayat: 1. Salin subjek yang ditanya 2. ialah 3. 1 patah perkataan (parameter yang sesuai) 4. yang menyebabkan/ yang menghasilkan/ yang ditunjukkan 5. PB/N (keputusan/ hasil/ pemerhatian eksperimen) 6. apabila 7. terangkan operasi/ prosedur secara ringkas (guna kata kerja) Contoh: • Kadar denyutan nadi ialah ukuran yang ditunjukkan oleh bilangan denyutan nadi seminit apabila melakukan aktiviti fizikal.

Parameter yang sesuai bagi DSO

DSO bagi		Parameter yang sesuai
• Aloi • Gangsa • Kuprum • Bahan antioksidan • Antibiotik	• Keluli • Logam tulen • Paku besi • Larutan garam	bahan
• Antibiotik berkepekatan tinggi • Penisilin • Agar-agar nutrien steril • Larutan kultur lengkap • Larutan kultur tanpa fosforus • Air kurang tercemar • Alkohol	• Antibiotik berkepekatan rendah • Air suling • Agar-agar tanpa nutrien steril • Larutan kultur tanpa natrium • Larutan kultur tanpa kalium • Air tercemar • Lateks	bahan
• Asid • Getah asli • Minyak kelapa sawit • Silinder berongga • Bahan atom • Sel kimia	• Alkali • Getah tervulkan • Sel kimia ringkas • Silinder padat • Bahan ion • Kanta cembung	bahan
• Pertumbuhan tumbuhan • Pertumbuhan bakteria • Pengaloian • Pemvulkanan • Kakisan • Pencemaran air • Keterlarutan etanol • Pengesteran	• Pertumbuhan anak benih • Pertumbuhan fungi/ kulat • Pengaratan • Pempolimeran • Pengoksidaan • Elektrolisis • Pembakaran etanol • Penapaian	proses
• Kadar denyutan nadi • Nilai kalori • Kadar tindak balas • Pecutan	• Kekuatan tulang • Tekanan • Halaju • Nilai voltan	ukuran/ bacaan/ nilai/ kadar
• Pecutan	• Tarikan graviti	daya tarikan
• Jatuh bebas	• Bukan jatuh bebas	gerakan
• Bakteria	• Kulat/ fungi	mikroorganisma
• Prinsip Pascal	• Prinsip Bernoulli	prinsip
• Kekuatan silinder		sifat/ ciri
• Inersia • Suhu • Tarikan graviti	• Tekanan • Denyutan nadi	keadaan
• Panjang fokus		ukuran/ jarak

BUKAN UNTUK DIJUAL

BAB 1 Langkah Keselamatan di dalam Makmal

Safety Measures in the Laboratory

NOTES

VIDEO PEMBELAJARAN

NOTA EFEKTIF

1.1 Peralatan Perlindungan Diri

1 Peralatan perlindungan diri:
- (a) Gogal
  - Melindungi mata daripada bahan kimia.
- (b) Topeng muka
  - Melindungi hidung dan mulut daripada terhidu bahan kimia.
- (c) Sarung tangan (daripada getah)
  - Melindungi tangan daripada bahan kimia.
- (d) Baju makmal
  - Melindungi kerosakan pada pakaian.
- (e) Kasut bertutup/ kasut keselamatan
  - Melindungi kaki daripada terkena tumpahan bahan kimia.

2 Peralatan perlindungan diri di makmal:
- (a) Kabinet aliran laminar
  - Untuk mengelakkan kontaminasi semasa aktiviti mikrobiologi.
- (b) Kebuk wasap
  - Untuk menjalankan eksperimen yang menggunakan bahan yang mudah meruap, mudah terbakar, beracun, mengakis dan berbau.
- (c) Pembilas mata
  - Untuk membilas dan mencuci mata yang terkena bahan kimia dengan segera.
- (d) Penyiram kecemasan
  - Untuk membersihkan dan membilas bahagian badan atau pakaian yang terkena bahan kimia dengan segera.

1.2 Pembuangan Bahan Sisa

1 Definisi **bahan sisa**: Bahan yang digunakan **selepas** eksperimen dan perlu dibuang.

2

Bahan-bahan yang dibuang ke dalam singki

Boleh dibuang

- Cecair/ larutan dengan kepekatan rendah
- Bahan dengan nilai pH 5 – 9 (asid lemah dan alkali lemah)

Contoh
- Bahan neutral
- Air suling
- Asid cair/ asid lemah/ asid pH 6 (asid etanoik/ asid nitrik)
- Alkali cair/ alkali lemah/ alkali pH 9
- Larutan garam nitrat
- Alkohol kepekatan rendah
- Darah
- Serum
- Minuman kultur
- Air kapur

Tidak boleh dibuang

Contoh
- Sisa pepejal
- Bahan sisa organik (mikrob/ bangkai)
- Logam berat (kadmium/ plumbum/ merkuri)
- Bahan reaktif (natrium/ kalium)
- Bahan kimia (asid/ gris/ minyak/ cat minyak/ hidrogen peroksida)
- Bahan toksik (merkuri)
- Bahan meruap (bromin)
- Bahan pH < 5
- Bahan pH > 9 (alkali kuat)
- Pelarut organik (metilbenzena)
- Bahan buangan radioaktif

Kenapa tidak boleh dibuang?
- Menyebabkan pencemaran air/ alam
- Meningkatkan kadar keasidan air
- Berbahaya kepada hidupan

Cara membuang:
- Masukkan ke dalam botol khas yang disediakan di makmal.
- Jangan buang ke dalam singki.

BUKAN UNTUK DIJUAL

3 Definisi **sisa biologi**: Bahan buangan biologi yang boleh menimbulkan kemudaratan/ bahaya biologi.

4 Contoh: Bahan kumuh, tisu, bangkai, medium kultur, bekas plastik, kaca dan sarung tangan.

5 Diuruskan oleh **Prosedur Operasi Standard (POS)**.

6 Definisi **Prosedur Operasi Standard (POS)**: Prosedur yang digunakan bagi tujuan mengurus sisa biologi makmal.

7 Kategori bahan sisa:

Kategori	Contoh	Cara melupuskan
A (peralatan tajam)	• Picagari • Jarum • Bilah skalpel	• Masukkan dalam bekas khas (bekas sisa tajam) • Tidak diautoklaf • Bekas disimpan di tempat selamat sebelum dilupuskan
B (peralatan tidak tajam)	• Sarung tangan • Tisu • Medium kultur	• Bungkus dalam beg plastik biobahaya/ biohazard • Diautoklaf • Dimasukkan ke dalam tong biobahaya
C (bangkai, organ)	• Haiwan makmal • Haiwan uji kaji • Bangkai tikus	• Dibalut dalam bahan penyerap (kertas tisu) • Dibungkus dalam beg plastik biobahaya • Disejuk beku sebelum dilupuskan
D (cecair)	• Darah • Serum	• Dinyahkontaminasi secara autoklaf • Dilupuskan secara terus ke dalam sistem kumbahan (singki makmal atau tandas)

* Autoklaf (suhu 121 °C, tekanan 15 psi selama 20 minit)

8 Langkah mengurus kemalangan di dalam makmal:

Situasi 1: Tertumpah bahan kimia	Situasi 2: Termometer jatuh/ pecah	Situasi 3: Bomba menguruskan tumpahan merkuri	Situasi 4: Mata terkena bahan kimia
• Beritahu guru/ pembantu makmal • Jadikan kawasan tumpahan – kawasan larangan • Sekat tumpahan dengan pasir • Kaut tumpahan bahan kimia • Buang dengan selamat	• Beritahu guru/ pembantu makmal • Jadikan kawasan tumpahan – kawasan larangan • Tabur serbuk sulfur – menutupi tumpahan • Hubungi Bomba	• Jadikan kawasan tumpahan – kawasan larangan • Tabur serbuk sulfur – menutupi tumpahan • Kaut semua hasil tumpahan dan letakkan ke dalam beg biobahaya	• Beritahu guru/ pembantu makmal • Pergi ke arah pembilas mata • Bilas mata dengan air yang banyak

9 Contoh kemalangan di dalam makmal:
- Terkena serpihan kaca
- Terkena asid/ alkali pekat
- Kebakaran kecil
- Terkena serpihan hasil tindak balas logam reaktif
- Termometer pecah
- Kebocoran gas
- Renjatan elektrik

BUKAN UNTUK DIJUAL

1.3 Pemadam Kebakaran

1 Definisi: Sejenis alat yang digunakan untuk mengawal/ memadamkan kebakaran.

2



3 Jenis kebakaran dan jenis alat pemadam kebakaran yang digunakan:

Jenis kebakaran	Penerangan	Jenis alat pemadam kebakaran
Kelas **A**	Pepejal (kecuali logam)	A, B, S
Kelas **B**	Cecair (petrol, kerosin, diesel, varnis)	B, C, S
Kelas **C**	Gas (LPG, LNG, oksigen)	C, S
Kelas **D**	Logam (magnesium, aluminium, natrium, kalium)	S
Kelas **E**	Peralatan Elektrik	C, S
Kelas **F**	Fat (lemak)/ minyak masak	C, S

[Nota: A = Air, B = Buih, C = CO_2, S = Serbuk kering]

4 Kaedah penggunaan alat pemadam kebakaran **(TA HA TE RA)**

1. **TA**
TAnggalkan pin keselamatan.
Pemadam kebakaran ditegakkan.

2. **HA**
HAlakan muncung alat pemadam kebakaran ke pangkal api (jarak 2.0-2.5 m dari api).

3. **TE**
TEkan pemicit

4. **RA**
RAtakan semburan ke seluruh sumber api dengan menggerakkan muncungnya dari sisi ke sisi.

BUKAN UNTUK DIJUAL

LATIHAN INTENSIF

Kertas 1

1 Antara berikut, peralatan yang manakah melindungi murid daripada terhidu bahan kimia semasa menjalankan eksperimen?
Which of the following equipment protects students from inhaling chemicals while conducting experiments?

A Gogal
Goggles

B Baju makmal
Lab coat

C Topeng muka
Face mask

D Sarung tangan
Gloves

2 Apakah fungsi gogal?
What is the function of a goggles?

A Kelihatan profesional.
Look more professional.

B Menjaga kebersihan diri.
Take care of our cleanliness.

C Melindungi mata daripada terkena bahan kimia berbahaya.
Protect the eyes from harmful chemical substance.

D Melindungi hidung dan mulut daripada terhidu bahan kimia yang sengit.
Protect the nose and mouth from inhaling pungent chemical substance.

3 Rajah 1 menunjukkan sebuah peralatan perlindungan di dalam makmal.
Diagram 1 shows a personal protective equipment in the laboratory.



Rajah 1/*Diagram* 1

Apakah P?
What is P?

A Kabinet aliran laminar
A laminar flow cabinet

B Penyiram kecemasan
A safety shower

C Pembilas mata
An eyewash station

D Kebuk wasap
A fume chamber

4 Maklumat berikut menerangkan tentang sejenis peralatan.
The following information describes a type of equipment.

> Digunakan untuk menjalankan eksperimen melibatkan bahan yang mudah meruap, mudah terbakar, beracun dan mengakis.
> *Used to carry out experiments involving substances that are volatile, flammable, poisonous and corrosive.*

Maklumat tersebut merujuk kepada
The information refers to

A kabinet aliran laminar.
a laminar flow cabinet.

B penyiram kecemasan.
a safety shower.

C pembilas mata.
an eyewash station.

D kebuk wasap.
a fume chamber.

5 Rajah 2 menunjukkan kultur bakteria di dalam piring petri.
Diagram 2 shows the bacterial culture in a petri dish.



Rajah 2/*Diagram* 2

Menguasai Tidak Menguasai

BUKAN UNTUK DIJUAL

Antara peralatan perlindungan diri berikut, yang manakah sesuai untuk mengendalikan bahan dalam Rajah 2?
Which of the following personal protective equipments is suitable for handling the material in Diagram 2?

A Kabinet aliran laminar
A laminar flow cabinet

B Penyiram kecemasan
A safety shower

C Pembilas mata
An eyewash station

D Kebuk wasap
A fume chamber

6 Rajah 3 menunjukkan sebuah peralatan perlindungan diri di dalam makmal.
Diagram 3 shows a personal protective equipment in the laboratory.



Rajah 3/*Diagram 3*

Apakah fungsi alat tersebut?
What is the function of this equipment?

A Membilas dan mencuci mata yang terkena bahan kimia.
Rinse and wash eye that is exposed to chemical substance.

B Menjalankan eksperimen yang menggunakan bahan yang mudah meruap, mudah terbakar, beracun dan mengakis.
Carry out experiments which uses substances that are volatile, flammable, poisonous and corrosive.

C Mengelakkan pencemaran semasa menjalankan eksperimen berkaitan dengan mikrobiologi.
Prevent contamination while carry out experiment related to microbiology.

D Membersihkan dan membilas bahagian badan atau pakaian yang terkena bahan kimia.
Wash and rinse body parts or clothes that are exposed to chemical substance.

7 Antara bahan berikut, yang manakah boleh dibuang ke dalam singki?
Which of the following substances can be disposed into the sink?

A Bahan reaktif
Reactive substance

B Bahan buangan radioaktif
Radioactive waste substance

C Logam berat
Heavy metal

D Asid lemah
Weak acid

8 Seorang murid telah membuang asid ke dalam singki. Apakah nilai pH asid yang membolehkan dia membuang asid tersebut ke dalam singki?
A student has thrown acid into the sink. What is the pH *value of the acid that allows him to throw the acid into the sink?*

A pH 2.0
B pH 3.5
C pH 4.0
D pH 5.5

9 Berikut merupakan satu pernyataan.
The following is a statement.

> Sesetengah bahan buangan kimia tidak boleh dibuang ke dalam singki.
> *Certain chemical waste substances cannot be disposed of into the sink.*

Antara berikut, yang manakah menerangkan pernyataan tersebut?
Which of the following explains the statement?

A Bahan buangan kimia akan mengakis singki.
The chemical waste substances will corrode the sink.

B Bahan buangan kimia akan menyebabkan pencemaran air.
The chemical waste substances will cause water pollution.

C Bahan buangan kimia akan diserap ke dalam tanah.
The chemical waste substances will be absorbed into the soil.

D Bahan buangan kimia akan bertindak balas dengan bahan lain.
The chemical waste substances will react with other substances.

BUKAN UNTUK DIJUAL

10 Antara berikut, yang manakah merupakan bahan sisa kategori D?
Which of the following is a waste substance of category D*?*

A Serum
Serum

B Picagari
Syringe

C Sarung tangan
Gloves

D Haiwan uji kaji
Experimental animal

11 Sekumpulan murid telah menjalankan eksperimen untuk mengkaji struktur sel darah. Setelah eksperimen tamat, mereka dikehendaki melupuskan sampel darah tersebut. Apakah yang harus mereka lakukan terhadap darah tersebut?
A group of students conducted an experiment to study the structure of blood cell. After the experiment is over, they are required to dispose of the blood sample. What should they do with the blood?

A Dimasukkan ke dalam bekas khas.
Placed in a special container.

B Diautoklaf dan dilupuskan terus ke dalam singki makmal.
Autoclaved and disposed directly into the laboratory sink.

C Dibungkus dan dimasukkan ke dalam beg plastik biobahaya.
Packaged and placed in a biohazard plastic bag.

D Dibungkus dengan rapi di dalam beg plastik biobahaya dan disejuk beku.
Packaged neatly in a biohazard plastic bag and freeze.

12 Rajah 4 menunjukkan satu radas eksperimen yang telah terjatuh dan pecah.
Diagram 4 *shows an experimental apparatus that has fallen and broken.*



Rajah 4/*Diagram* 4

Apakah cara melupuskan radas tersebut?
How to dispose of the apparatus?

A Diautoklaf dan dilupuskan terus ke dalam singki makmal.
Autoclaved and disposed directly into the laboratory sink.

B Dimasukkan ke dalam bekas khas dan disimpan di tempat selamat.
Placed in a special container and stored in a safe place.

C Dibungkus ke dalam beg plastik biobahaya dan diautoklaf.
Packed into biohazard plastic bag and autoclaved.

D Dibungkus dengan rapi di dalam beg plastik biobahaya dan disejuk beku.
Wrap neatly in biohazard plastic bag and freeze.

13 Maklumat berikut menerangkan cara pelupusan sejenis bahan sisa biologi.
The following information explain the disposal method for a type of biological waste.

- Dibungkus dan dimasukkan ke dalam beg plastik biobahaya.
  Packaged and placed in a biohazard plastic bag.
- Dinyahkontaminasi secara autoklaf dan dimasukkan ke dalam tong sampah biobahaya.
  Decontaminated by autoclave and placed in a biohazard bin.

Apakah jenis bahan sisa biologi tersebut?
What is the type of biological waste?

A Picagari
Syringe

B Haiwan uji kaji
Experimental animal

C Darah
Blood

D Medium kultur
Culture medium

14 Sejenis asid tertumpah di atas lantai dalam suatu eksperimen.
A type of acid spilled on the floor during an experiment.

P – Sekat tumpahan daripada merebak dengan menggunakan pasir untuk membentuk sempadan.
Prevent the spill from spreading by using sand to form a boundary.

Q – Buang dengan selamat.
Dispose of safely.

R – Memberitahu guru atau pembantu makmal.
Inform the teacher or laboratory assistant.

S – Kaut tumpahan asid.
Scoop the acid spillage.

T – Jadikan kawasan tumpahan sebagai kawasan larangan.
Make the spillage area as a restricted zone.

Susun langkah-langkah mengurus kemalangan ini dalam urutan yang betul.
Arrange the steps in handling this accident in the correct sequence.

A R, T, P, S, Q
B T, P, Q, S, R
C P, S, Q, T, R
D R, P, T, S, Q

BUKAN UNTUK DIJUAL

15 Rajah 5 menunjukkan langkah-langkah untuk menguruskan tumpahan merkuri di dalam makmal sekolah.
Diagram 5 shows the steps to manage a mercury spillage in a school laboratory.



Rajah 5/*Diagram 5*

Apakah langkah P, Q dan R?
What are steps P, Q and R?

	P	Q	R
A	Segera memberitahu guru atau pembantu makmal *Inform the teacher or the laboratory assistant immediately*	Tabur serbuk sulfur *Sprinkle sulphur powder*	Jadikan kawasan tumpahan sebagai kawasan larangan *Make the spillage area a restricted zone*
B	Tabur serbuk sulfur *Sprinkle sulphur powder*	Segera memberitahu guru atau pembantu makmal *Inform the teacher or the laboratory assistant immediately*	Jadikan kawasan tumpahan sebagai kawasan larangan *Make the spillage area a restricted zone*
C	Segera memberitahu guru atau pembantu makmal *Inform the teacher or the laboratory assistant immediately*	Jadikan kawasan tumpahan sebagai kawasan larangan *Make the spillage area a restricted zone*	Tabur serbuk sulfur *Sprinkle sulphur powder*
D	Tabur serbuk sulfur *Sprinkle sulphur powder*	Jadikan kawasan tumpahan sebagai kawasan larangan *Make the spillage area a restricted zone*	Segera memberitahu guru atau pembantu makmal *Inform the teacher or the laboratory assistant immediately*

16 Antara berikut, padanan manakah yang betul?
Which pairs is correct?

	Jenis alat pemadam kebakaran ***Type of fire extinguisher***	**Fungsi** ***Function***
A	Karbon dioksida *Carbon dioxide*	Memadamkan semua jenis kebakaran *Extinguish all types of fires*
B	Air *Water*	Memadamkan kebakaran yang melibatkan peralatan elektrik *Extinguish fires which involve electrical appliances*
C	Buih *Foam*	Memadamkan kebakaran yang melibatkan cecair atau gas yang mudah terbakar *Extinguish fires which involve flammable liquids or gases*
D	Serbuk kering *Dry powder*	Memadamkan kebakaran yang melibatkan bahan pepejal sahaja *Extinguish fires which involve solid substances only*

17 Apakah warna label pada alat pemadam kebakaran jenis karbon dioksida?
What is the colour of the label on a carbon dioxide fire extinguisher?

A Hitam *Black*
B Merah *Red*
C Biru *Blue*
D Krim *Cream*

18 Apakah jenis alat pemadam dengan warna label biru?
What is the type of fire extinguisher with blue label?

A Air *Water*
B Buih *Foam*
C Serbuk kering *Dry powder*
D Karbon dioksida *Carbon dioxide*

BUKAN UNTUK DIJUAL

19 Antara berikut, yang manakah merupakan contoh jenis kebakaran kelas A?
Which of the following is an example of class A *fire?*

A Melibatkan kayu
Involves wood

B Melibatkan kerosin
Involves kerosene

C Melibatkan minyak masak
Involves cooking oil

D Melibatkan peralatan elektrik
Involves electrical appliances

20 Apakah jenis kebakaran yang melibatkan lemak dan minyak masak?
What is the type of fire that involves fat and cooking oil?

A Kelas B
Class B

B Kelas C
Class C

C Kelas D
Class D

D Kelas F
Class F

21 Maklumat berikut menunjukkan langkah-langkah menggunakan alat pemadam kebakaran.
The following information shows the steps of using a fire extinguisher.

P – Tekan pemicit atas alat pemadam kebakaran.
Squeeze the handle on the top of fire extinguisher.

Q – Tanggalkan pin keselamatan.
Remove the safety pin.

R – Ratakan semburan ke seluruh sumber api dari sisi ke sisi.
Spread the spray evenly over the entire fire source from side to side.

S – Halakan muncung alat pemadam kebakaran ke pangkal api.
Aim the nozzle of the fire extinguisher at the base of the fire.

Urutan yang manakah betul?
Which sequence is correct?

A Q, S, P, R
B Q, P, R, S
C S, Q, P, R
D P, S, R, Q

Kertas 2

Bahagian B

1 Rajah 1.1 dan 1.2 menunjukkan dua bahan sisa biologi di makmal.
Diagrams 1.1 *and* 1.2 *show two biological waste substances in the laboratory.*



Rajah 1.1/*Diagram* 1.1

Rajah 1.2/*Diagram* 1.2

(a) Nyatakan maksud bahan sisa biologi.
State the meaning of biological waste substance.

_____

[1 markah/*mark*]

(b) Nyatakan kategori bagi bahan sisa dalam Rajah 1.1.
State the category of waste substance in Diagram 1.1.

_____

[1 markah/*mark*]

(c) Nyatakan **dua** perbezaan dalam menguruskan bahan sisa dalam Rajah 1.1 dan Rajah 1.2.
State **two** *differences in managing waste substances in Diagrams* 1.1 *and* 1.2.

_____

_____

[2 markah/*marks*]

BUKAN UNTUK DIJUAL

(d) Pelupusan bahan sisa yang tidak mengikut prosedur yang betul mendatangkan ancaman kepada alam sekitar. Jelaskan.
Disposal of waste substances that does not follow the correct procedure poses a threat to the environment. Explain.

_____

_____

[2 markah/*marks*]

2 Rajah 2 menunjukkan satu kuali yang berisi minyak masak sedang terbakar.
Diagram 2 *shows a frying pan containing cooking oil is on fire.*

Rajah 2/*Diagram* 2

(a) Jelaskan jenis kebakaran yang ditunjukkan.
Explain the type of fires shown.

_____

_____

[2 markah/*marks*]

(b) Namakan **dua** jenis alat pemadam kebakaran yang sesuai digunakan dalam situasi ini.
Name **two** *types of fire extinguisher that are suitable to be used in this situation.*

_____

_____

[2 markah/*marks*]

(c) Suri rumah dinasihatkan untuk tidak menggunakan air untuk memadam kebakaran bagi situasi yang sama seperti dalam Rajah 2. Terangkan mengapa.
Housewives are advised to not use water to put out fires for the situation as shown in Diagram 2. *Explain why.*

_____

_____

[2 markah/*marks*]

3 Rajah 3 menunjukkan dua jenis alat pemadam kebakaran.
Diagram 3 *shows two types of fire extinguishers.*



Alat pemadam kebakaran P
Fire extinguisher P

Alat pemadam kebakaran Q
Fire extinguisher Q

Rajah 3/*Diagram* 3

BUKAN UNTUK DIJUAL

(a) Alat pemadam kebakaran yang manakah sesuai digunakan untuk memadamkan kebakaran yang melibatkan
Which fire extinguisher is suitable to be used to extinguish fires involving

(i) pepejal seperti kayu dan kertas?
solids such as wood and paper?

_____

[1 markah/*mark*]

(ii) peralatan elektrik dan gas?
electrical appliances and gas?

_____

[1 markah/*mark*]

(b) Alat pemadam kebakaran Q tidak sesuai digunakan untuk memadam kebakaran yang melibatkan minyak masak. Wajarkan.
Fire extinguisher Q *is not suitable to be used to extinguish fires involving cooking oil. Justify.*

_____

_____

[2 markah/*marks*]

(c) Kebakaran boleh berlaku pada bila-bila masa sekiranya kita cuai, terutamanya di dapur rumah kita sendiri. Namun, kebakaran kecil boleh dipadamkan dengan mudah jika kita tahu cara untuk mencipta alat pemadam kebakaran ringkas.
Menggunakan bahan-bahan yang diberikan, lengkapkan langkah berikut untuk mencipta alat pemadam kebakaran ringkas di rumah.
Fires can happen at any time if we are careless, especially in the kitchen of our own home. However, small fires can be put out easily if we know how to create a simple fire extinguisher.
Using the materials provided, complete the following steps to create a simple fire extinguisher at home.

VIDEO ULASAN JAWAPAN
Soalan 3c

- Botol gel mandian
  Shower gel bottle
- Air
  Water
- Cuka
  Vinegar
- Soda bikarbonat
  Bicarbonate of soda
- Tisu
  Tissues
- Benang
  Thread

Langkah-langkah/ *Steps*:

1. _____

_____

2. _____

_____

3. _____

_____

4. Goncangkan botol gel mandian untuk memastikan bahan-bahan di dalam botol bercampur.
   Shake the shower gel bottle to ensure that the materials in the bottle are mixed.
5. Halakan muncung botol ke arah api untuk memadamkannya.
   Point the nozzle of the bottle towards the flame to extinguish it.

[3 markah/*marks*]

BUKAN UNTUK DIJUAL

4 Rajah 4.1 dan Rajah 4.2 menunjukkan dua jenis alat pemadam kebakaran.
Diagrams 4.1 *and* 4.2 *show two types of fire extinguishers.*

Rajah 4.1/*Diagram* 4.1



Rajah 4.2/*Diagram* 4.2

(a) Nyatakan fungsi alat pemadam kebakaran dalam Rajah 4.1.
State the function of fire extinguisher in Diagram 4.1.

_____

[1 markah/*mark*]

(b) Nyatakan jenis kebakaran yang boleh dipadam menggunakan alat pemadam kebakaran dalam Rajah 4.2.
State the type of fire that can be extinguish using fire extinguisher in Diagram 4.2.

_____

[1 markah/*mark*]

(c) Sebuah rumah sedang terbakar. Anda yang berada berhampiran melihat badan seorang mangsa disambar api.
Nyatakan alat pemadam kebakaran yang sepatutnya anda gunakan untuk menyelamatkan mangsa tersebut. Wajarkan.
A house is on fire. You was nearby saw the victim's body was struck by fire.
State which fire extinguisher should you use to save the victim. Justify.

_____

_____

[2 markah/*marks*]

(d) Kebakaran boleh berlaku di dalam rumah yang mempunyai peralatan elektrik dan gas. Dengan menggunakan bahan-bahan asas seperti cuka, serbuk penaik, penyedut minuman dan botol air mineral 1.5 L, lakarkan reka bentuk alat pemadam kebakaran ringkas berserta label.
Fires can occur in houses that have electrical and gas equipment. Using basic materials such as vinegar, baking powder, drinking straw and a 1.5 L *mineral water bottle, sketch a simple fire extinguisher with label.*

[3 markah/*marks*]

BUKAN UNTUK DIJUAL

BAB 2 Bantuan Kecemasan
Emergency Help

NOTES

VIDEO PEMBELAJARAN

NOTA EFEKTIF

2.1 Resusitasi Kardiopulmonari (CPR)

CPR

Keadaan
- Individu tiada degupan jantung/ denyutan nadi
- Individu tidak bernafas
- Individu tidak memberikan respons terhadap rangsangan

➡ Tiada degupan jantung | Tidak bernafas | Tidak memberi respons

Definisi
Bantuan kecemasan, gabungan antara tekanan di bahagian dada dan hembusan ke mulut mangsa untuk mengembalikan degupan jantung dan pernafasan

Situasi
CPR
- Panahan petir
- Renjatan elektrik
- Lemas
- Cardiac/ jantung (serangan jantung)

Tujuan
- Memulihkan sistem peredaran darah mangsa
- Supaya oksigen dapat dibekalkan ke sel-sel otak

Tidak memerlukan peralatan

Kepentingan
- Menghasilkan peredaran darah secara buatan dengan mengepam darah melalui jantung
- Mangsa menerima udara beroksigen ke dalam peparunya

Langkah-langkah

RONALDO	➡ **R**espons mangsa
SEPAK	➡ **S**alur pernafa**S**an
DADA	➡ Tekanan **DADA** (100 – 120 tekanan per minit)
MESSI	➡ Hembusan oksigen melalui **MULUT** (1 saat)

Kesan jika tidak dilakukan dengan betul
- Tulang rusuk mangsa patah
- Udara dihembus ke dalam mulut mangsa tidak sampai ke peparunya
- Tiada peredaran darah secara buatan dapat dihasilkan

BUKAN UNTUK DIJUAL

2.2 *Heimlich Manoeuvre (HM)*

HM

Definisi
Bantuan kecemasan, menyelamatkan mangsa yang **tercekik**

Langkah-langkah

- **BUDAK** ➡ **B**erdiri di **B**elakang mangsa **B**ongkokkan **B**adan
- **K** ➡ **K**elilingkan tangan pada mangsa
- **POP** ➡ antara **PU**sat dan bawah rusuk mangsa
- **TOP** ➡ **T**ekan dan sen**T**ak ke a**T**as (menambah tekanan di dalam peparu, bendasing tertolak keluar)

Tercekik
Keadaan di mana saluran pernafasan tersekat disebabkan oleh makanan/ bendasing

Situasi/ tanda-tanda tercekik
- Memegang leher dengan kedua-dua tangan
- Sukar bernafas
- Tidak boleh bercakap
- Kulit, bibir, kuku kelihatan kebiruan/ kehitaman

Bagaimana boleh tercekik?
- Apabila seseorang menelan makanan
- Epiglotis terlipat dan menutup salur pernafasan (trakea)
- Makanan masuk ke dalam esofagus menuju ke perut
- Jika makanan menghalang salur pernafasan, mangsa tercekik

Kesan jika bantuan kecemasan lambat diberikan
- Kematian
- Kerosakan otak

Sebab tercekik
- Saluran pernafasan tersekat disebabkan oleh makanan/ bendasing
- Makan/ minum dengan tergesa-gesa
- Kanak-kanan tercekik kerana memasukkan objek ke dalam mulut

Perbandingan CPR dengan *Heimlich Manoeuvre*

CPR	Persamaan	*Heimlich Manoeuvre*
• Kedua-duanya bantuan kecemasan • Membantu menyelamatkan nyawa		
CPR	**Perbezaan**	***Heimlich Manoeuvre***
Tidak memberikan respons/ tiada denyutan nadi	**Contoh situasi**	Tidak boleh bercakap/ batuk/ memegang leher dengan kedua-dua tangan
Periksa respons mangsa (**RONALDO**)	**Langkah pertama**	Berdiri di belakang mangsa, bongkokkan sedikit badan mangsa (**BUDAK**)
Tidak sedar	**Keadaan mangsa**	Sedar

BUKAN UNTUK DIJUAL

LATIHAN INTENSIF

Kertas 1

1 Rajah 1 menunjukkan satu langkah dalam Resusitasi kardiopulmonari, CPR.
Diagram 1 *shows a step of Cardiopulmonary resuscitation,* CPR.



Rajah 1/*Diagram* 1

Apakah yang patut dilakukan sekiranya mangsa sudah mula bernafas tetapi masih tidak sedar?
What should be done if the victim starts breathing but still unconscious?

A Longgarkan pakaian mangsa.
Loosen the victim's clothing.

B Tambahkan tekanan pada dada mangsa.
Add pressure to victim's chest.

C Lakukan hembusan nafas berulang kali.
Repeat blows into the mouth.

D Ubah kedudukan mangsa dalam keadaan mengiring.
Change the position of the victim's body on his side.

2 Antara tindakan berikut, yang manakah benar tentang CPR?
Which of the following actions is true about CPR*?*

A Tekan dada mangsa sebanyak 15 kali diikuti dengan hembusan mulut ke mulut.
Do chest compressions 15 *times followed by mouth-to-mouth resuscitation.*

B Setelah diberikan tekanan dada, jika mangsa bernafas, picit hidungnya dan sedut nafas mangsa.
After the chest compression technique is performed, if there is breathing, pitch the victim's nose and suck in victim's breath.

C Jika mangsa sudah bernafas, teruskan beri bantuan pernafasan.
If the victim is breathing, continue the breath rescue.

D Pastikan badan mangsa dalam keadaan mengiring selepas memberi CPR.
Ensure that the victim is lying on his side after giving CPR.

3 Apakah langkah pertama ketika melakukan kaedah Resusitasi kardiopulmonari (CPR)?
What is the first step in the Cardiopulmonary resuscitation (CPR) *procedure?*

A Tekan dada mangsa
Chest compressions

B Hembus ke dalam mulut
Blow into the mouth

C Periksa respons mangsa
Check the victim's responses

D Buka salur pernafasan
Clear the airway

4 Antara situasi berikut, yang manakah memerlukan Resusitasi kardiopulmonari?
Which of the following situations may require Cardiopulmonary resuscitation?

A Patah tangan
Broken arm

B Tercekik tulang
Bone choke

C Kulit terbakar
Burn skin

D Lemas
Drown

5 Mengapakah tekanan dada diberikan semasa CPR?
Why chest pressure is given during CPR*?*

A Untuk memastikan peparu mangsa tidak rosak.
To ensure the victim's lungs are not damaged.

B Untuk menolak diafragma ke atas.
To push the diaphragm upwards.

C Untuk membantu peredaran darah di dalam badan mangsa.
To help blood circulation in the victim's body.

D Untuk menghalang darah kurang oksigen daripada mengalir ke jantung.
To prevent deoxygenated blood from flowing to the heart.

6 Antara situasi berikut, yang manakah patut diberi kaedah *Heimlich Manoeuvre*?
Which of the following situations should Heimlich Manoeuvre be given?

A Seseorang individu tidak memberikan respons terhadap rangsangan.
An individual dose not respond to stimuli.

B Seseorang individu memegang leher dengan kedua-dua tangan.
An individual holds the neck with both hands.

C Seseorang individu tidak bernafas.
An individual is not breathing.

D Seseorang individu tiada degupan jantung atau nadi.
An individual has no heartbeat or pulse.

BUKAN UNTUK DIJUAL

7 Jali mendongakkan kepala mangsa ke belakang dan mengangkat dagu mangsa semasa melakukan Resusitasi kardiopulmonari (CPR). Mengapakah tindakan itu dilakukan?
Jali tilted the victim's head back and lifted the victim's chin while performing Cardiopulmonary resuscitation (CPR). Why was the action taken?

A Untuk mengurangkan tekanan dalam peparu.
To reduce pressure in the lungs.

B Untuk membuka saluran pernafasan.
To open the airway.

C Supaya tekanan udara di luar badan lebih tinggi daripada tekanan udara di dalam badan.
So that the air pressure outside the body is higher than the air pressure inside the body.

D Untuk membenarkan peredaran darah berjalan lancar.
To allow blood circulation to flow smoothly.

8 Apakah tujuan utama melakukan *Heimlich Manoeuvre*?
What is the main purpose of performing the Heimlich Manoeuvre?

A Untuk mengeluarkan objek yang tersekat di dalam saluran pernafasan.
To remove an object that is stuck in the airway.

B Untuk meningkatkan tekanan darah.
To increase blood pressure.

C Untuk meningkatkan peredaran darah.
To increase blood circulation.

D Untuk meningkatkan suhu badan.
To increase the body temperature.

9 Maklumat berikut menunjukkan gejala yang dialami oleh seorang murid.
The following information shows the symptoms experienced by a student.

- Kulit, bibir dan kuku kelihatan kebiruan dan kehitaman.
  Skin, lips and nails look bluish and black.
- Tidak boleh bercakap atau batuk.
  Cannot talk or cough.

Apakah bantuan kecemasan yang perlu diberikan kepada murid itu?
What emergency help should be given to the student?

A Pemeriksaan tekanan darah
Blood pressure check

B *Heimlich Manoeuvre*
Heimlich Manoeuvre

C Resusitasi kardiopulmonari (CPR)
Cardiopulmonary resuscitation (CPR)

D Pengukuran kadar denyutan nadi
Measurement of pulse rate

10 Khairul sedang makan semasa belajar berseorangan di dalam bilik. Tiba-tiba dia tercekik. Apakah yang boleh Khairul lakukan untuk menyelamatkan dirinya?
Khairul was eating while studying alone in the room. Suddenly he choked. What could Khairul do to save himself?

A Tolak perut ke dinding dengan kuat sehingga makanan yang tersangkut keluar.
Push the stomach against the wall hardly until the stuck food comes out.

B Berdiri di belakang kerusi, bongkokkan badan dan tolak badan dengan kuat pada kerusi.
Stand behind the chair, bend the body and push the body firmly against the chair.

C Hembus nafas dengan kuat sehingga makanan yang tersangkut itu keluar.
Exhale strongly until the stuck food comes out.

D Letakkan tangan di belakang leher dan tepuk leher dengan sekuat hati beberapa kali.
Place hands behind the neck and pat the neck as hard as possible several times.

11 Berikut adalah langkah-langkah yang terlibat dalam kaedah *Heimlich Manoeuvre*.
The following are the steps involved in Heimlich Manoeuvre procedure.

P	Tekan dan sentak abdomen ke atas dengan kuat dan cepat. *Press and thrust the abdomen upward with a strong and quick force.*
Q	Berdiri di belakang mangsa dan bongkokkan badan mangsa ke hadapan. *Stand behind the victim and bend the victim's body slightly forward.*
R	Kelilingkan tangan anda dari belakang mangsa. *Wrap your arms around the victim from behind.*
S	Letakkan genggaman tangan kanan di antara pusat dan bawah rusuk mangsa. Kemudian, letakkan satu lagi tangan di atas tangan yang digenggam. *Place your right fist between the navel and ribs of the victim. Place another hand on the right fist.*

Antara berikut, langkah-langkah yang manakah menunjukkan susunan yang betul?
Which of the following shows the correct order of the steps?

A P → R → Q → S
B Q → R → S → P
C Q → S → R → P
D P → Q → S → R

BUKAN UNTUK DIJUAL

12 Rajah 2 menunjukkan seorang lelaki melakukan satu prosedur bantuan kecemasan.
Diagram 2 shows a man performing an emergency help procedure.

Rajah 2/*Diagram* 2

Mengapakah tindakan tersebut dilakukan?
Why was the action taken?

A Untuk meningkatkan isi padu udara di dalam peparu.
To increase the volume of air in the lungs.

B Untuk menambahkan bilangan degupan jantung.
To increase the number of heartbeat.

C Untuk menambahkan diameter salur pernafasan.
To increase the diameter of respiratory tract.

D Untuk meningkatkan tekanan di dalam peparu.
To increase the pressure in the lungs.

13 Apakah kesan kepada mangsa tercekik sekiranya objek yang menghalang saluran pernafasan tidak berjaya dikeluarkan?
What is the effect on the choking victim if the object obstructing the respiratory tract is not successfully removed?

A Pendarahan dalaman
Internal bleeding

B Kerosakan sistem perkumuhan
Excretory system failure

C Sistem pencernaan terjejas
Digestive system failure

D Kerosakan otak atau maut
Brain damage or fatal

Kertas 2

Bahagian B

1 Rajah 1 menunjukkan situasi di sebuah restoran di mana seorang individu telah tercekik ketika sedang makan.
Diagram 1 *shows a situation in a restaurant where an individual is choking while eating.*

Rajah 1/*Diagram* 1

(a) Apakah ciri-ciri yang dapat diperhatikan pada mangsa yang tercekik?
What are the characteristics that can be observed in a choking victim?

_____

_____

[2 markah/*marks*]

(b) Apakah nama kaedah bantuan kecemasan yang diperlukan oleh individu tersebut?
What is the name of the emergency aid required by the individual?

_____

[1 markah/*mark*]

BUKAN UNTUK DIJUAL

(c) Aqeel terlihat situasi itu dan beliau segera membantu mangsa tersebut. Apakah langkah pertama yang perlu dilakukan oleh beliau?
Aqeel saw the situation and immediately helped the victim. What is the first step he needed to take?

_____

[1 markah/*mark*]

(d) Pada pendapat anda, bagaimanakah seseorang boleh tercekik?
In your opinion, how someone can choke?

_____

[1 markah/*mark*]

(e) Pada kaedah terakhir bantuan kecemasan ini, Aqeel perlu menekan dan sentak dada mangsa ke atas dengan kuat dan cepat. Wajarkan tindakan tersebut.
In the final procedure of this emergency aid, Aqeel needs to press and jerk the victim's chest upwards strongly and quickly. Justify the action.

_____

[1 markah/*mark*]

2 Rajah 2 menunjukkan satu teknik daripada Resusitasi kardiopulmonari (CPR) yang sedang dijalankan ke atas seorang mangsa.
Diagram 2 *shows a technique in Cardiopulmonary resuscitation* (CPR) *is carried out on a victim.*

Rajah 2/*Diagram* 2

(a) Apakah itu Resusitasi kardiopulmonari (CPR)?
What is a Cardiopulmonary resuscitation (CPR)*?*

_____

_____

[1 markah/*mark*]

(b) Nyatakan **satu** keadaan individu yang memerlukan CPR.
State **one** *condition where an individual needs* CPR.

_____

[1 markah/*mark*]

(c) Apakah yang sepatutnya dilakukan sekiranya mangsa itu sudah mula bernafas tetapi masih tidak sedar?
What should be done if the victim starts breathing but still unconscious?

_____

[1 markah/*mark*]

(d) Pada pendapat anda, apakah yang akan berlaku kepada mangsa ini sekiranya kaedah CPR tidak dilaksanakan dengan betul?
In your opinion, what will happen to the victim if CPR *procedures are not performed correctly?*

_____

[1 markah/*mark*]

BUKAN UNTUK DIJUAL

(e) Nyatakan **dua** kepentingan CPR.
State **two** *importance of* CPR.

_____

_____

[2 markah/*marks*]

Bahagian C

3 Rajah 3.1 menunjukkan contoh bantuan kecemasan.
Diagram 3.1 *shows examples of emergency help.*



P Q

Rajah 3.1/*Diagram* 3.1

(a) Berikan **dua** contoh situasi mangsa yang memerlukan bantuan kecemasan P.
Give **two** *situations of the victim that requires emergency help* P.

[2 markah/*marks*]

(b) Nyatakan **dua** kepentingan melakukan bantuan kecemasan Q.
State **two** *importances of performing emergency help* Q.

[2 markah/*marks*]

VIDEO ULASAN JAWAPAN
Soalan 3c

(c) Banding bezakan bantuan kecemasan P dan Q.
Compare and contrast emergency helps P *and* Q.

[4 markah/*marks*]

(d) Petikan dalam Rajah 3.2 menunjukkan satu maklumat dari laman media sosial *Public Health Malaysia*.
The excerpt in Diagram 3.2 *shows information from the Public Health Malaysia social media page.*

Public Health Malaysia
July 4, 2020 ·

Kanak-kanak berusia 4 tahun ke bawah adalah kumpulan berisiko TINGGI untuk tercekik makanan. Ini adalah kerana mereka masih belum pandai mengunyah makanan dan hanya menelan makanan.
Children aged 4 and below are a HIGH risk group for choking on food. This is because they are not yet good at chewing food and only swallow food.

Selain itu, saiz saluran pernafasan yang kecil menyebabkan ia mudah ditutup sepenuhnya, terutamanya makanan yang keras dan berbentuk bulat.
In addition, the small size of the respiratory tract makes it easy to close completely, especially hard and round food.

Sosej adalah makanan yang paling banyak menyebabkan kejadian tercekik kerana saiz sosej yang kecil dan bulat senang menyekat saluran pernafasan kanak kanak.
Sausage is the food that causes the most choking incidents because the small and round size of the sausage easily blocks children's airways.

Rajah 3.2/*Diagram* 3.2

Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang perlu diambil oleh ibu bapa untuk mencegah situasi dalam petikan tersebut daripada berlaku?
In your opinion, what steps should parents take to prevent the situation in the excerp from happening?

[4 markah/*marks*]

BUKAN UNTUK DIJUAL

RUANG JAWAPAN BAHAGIAN C

BUKAN UNTUK DIJUAL

BAB 3 Teknik Mengukur Parameter Kesihatan Badan

Technique of Measuring the Parameters of Body Health

NOTES

VIDEO PEMBELAJARAN

NOTA EFEKTIF

3.1 Suhu Badan

1 Definisi suhu: Darjah kepanasan dan kesejukan sesuatu bahan.

2 Definisi suhu badan: Darjah kepanasan dan kesejukan badan kita.

3 Suhu badan manusia yang normal: **36.9°C**.

Termometer klinik	Termometer makmal	Termometer rektal	Termometer inframerah
• Digunakan untuk menyukat suhu badan dalam julat 35 – 42°C. • Diletakkan di bawah ketiak atau di dalam mulut selama 2 – 3 minit hingga bunyi 'bip'. • Kejituan 0.1°C. • **Pencerutan** pada termometer klinik: supaya merkuri tidak turun dengan cepat setelah dikeluarkan bagi memberikan sukatan yang lebih tepat.	• Digunakan untuk menyukat suhu cecair dalam julat -10°C hingga 110°C. • Tidak sesuai untuk mengukur suhu badan kerana tiada bahagian pencerutan. • Jika digunakan untuk menyukat suhu badan, bacaan perlu diambil ketika termometer masih di dalam mulut atau di bawah ketiak. • Kejituan 1°C.	• Digunakan untuk menyukat suhu badan melalui dubur. • Digunakan pada bayi kurang 3 bulan dengan memasukkan termometer ke dalam dubur kira-kira 1.5 – 2.5 cm.	• Digunakan untuk menyukat suhu badan tanpa bersentuhan dengan badan. • Diambil pada jarak kira-kira 5 cm.

Faktor – faktor yang menyebabkan suhu badan melebihi normal

Jangkitan bakteria atau virus	Terdedah kepada panas melampau • Strok haba • Selaran matahari yang melampau	Senaman berat

Hipotermia
Suhu kurang daripada normal dan boleh membawa maut. Ini berlaku jika terdedah kepada cuaca sejuk yang melampau.

Demam
Suhu badan melebihi 37°C.

Homeostasis
Proses yang membantu badan manusia mengawal suhu badan supaya berada dalam keadaan seimbang dan stabil.

3.2 Kadar Denyutan Nadi

1 **Definisi:** Pengukuran bilangan degupan jantung per minit (bpm).

2 **Titik nadi:** Tempat untuk merasai denyutan nadi pada badan dan arteri terletak sangat dekat dengan permukaan kulit.

BUKAN UNTUK DIJUAL

Titik nadi pada badan manusia



Faktor-faktor yang mempengaruhi kadar denyutan nadi

(a) **Jantina**
Perempuan mempunyai kadar denyutan nadi lebih tinggi daripada lelaki.

(b) **Umur**
Semakin meningkat umur, semakin rendah kadar denyutan nadi.

(c) **Aktiviti fizikal**
Semakin cergas/ lasak aktiviti fizikal yang dilakukan, semakin meningkat kadar denyutan nadi.

Atlet mempunyai kadar denyutan nadi yang lebih rendah disebabkan oleh **otot kardiak mereka yang lebih kuat**.

Individu yang **tidak sihat mempunyai kadar denyutan nadi yang lebih rendah** atau **lebih tinggi** berbanding individu sihat.

3.3 Tekanan Darah

1 Definisi: Tekanan yang dikenakan oleh darah pada dinding salur darah semasa peredaran darah.

2 Alat pengukur: **Sfigmomanometer**

3 Unit pengukuran: Milimeter merkuri (mmHg)

Bacaan normal 120/80		**Bacaan tekanan darah**		**Kesan penyakit tekanan darah tinggi**
Tekanan sistolik Tekanan yang dikenakan pada dinding salur darah semasa otot jantung mengecut. **(SIS KECUT)**	**Tekanan diastolik** Tekanan yang dikenakan pada dinding salur darah apabila otot jantung berehat. **(DIA REHAT)**	Bacaan tinggi dan berlarutan => tekanan darah tinggi atau hipertensi	Bacaan rendah dan berlarutan => tekanan darah rendah	• Sakit kepala • Hipertensi • Strok

4 Langkah pencegahan awal: Elakkan makanan bergaram secara berlebihan, elakkan makanan segera/ berperisa, lakukan pemeriksaan berkala, amalkan gaya hidup yang sihat/ bersukan/ bersenam.

3.4 Indeks Jisim Badan (BMI)

1 Definisi: Ukuran jisim badan berbanding dengan ketinggian.

Rumus	**Carta Indeks Jisim Badan**
$BMI = \frac{\text{Jisim badan (kg)}}{\text{Ketinggian}^2\ (m^2)}$	< 18.5 : Kurang jisim badan 18.5 – 24.9 : Jisim badan unggul 25.0 – 29.9 : Berlebihan jisim badan 30.0 atau lebih : Obes

Kesan jisim badan berlebihan	**Kesan kurang jisim badan**	**Cara menambah jisim badan**	**Cara menurunkan jisim badan**
• Serangan jantung • Tekanan darah tinggi • Strok • Diabetes melitus (kencing manis) • Komplikasi sendi dan tulang	• Penyakit jantung • Penurunan daya tahan badan melawan penyakit • Keletihan • Anemia • Kemurungan	• Pemakanan yang sihat dan seimbang • Makan mengikut waktu yang tetap • Snek yang padat dengan nutrien	• Elak makanan yang tinggi gula dan lemak • Lakukan senaman sederhana • Makan makanan yang sihat

BUKAN UNTUK DIJUAL

LATIHAN INTENSIF

Kertas 1

1 Maklumat di bawah menerangkan tentang cara penggunaan sejenis termometer.
The information below explains how to use a type of thermometer.

- Digunakan pada bayi kurang daripada 3 bulan.
  Used for infants less than 3 months old.
- Dimasukkan ke dalam dubur bayi kira- kira 1.5-2.5 cm.
  Insert 1.5- 2.5 cm into the infant's rectum.

Apakah termometer itu?
What is the thermometer?

A Termometer klinik
Clinical thermometer
B Termometer rektal
Rectal thermometer
C Termometer makmal
Laboratory thermometer
D Termometer inframerah
Infrared thermometer

2 Maklumat berikut menerangkan tentang satu alat.
The following information describes about an instrument.

Digunakan untuk mengukur suhu badan tanpa bersentuhan dengan badan.
Used to measure body temperature without any contact with the body.

Apakah alat itu?
What is the instrument?

A

B


C


D


3 Berapakah kejituan termometer klinik?
What is the accuracy of a clinical thermometer?

A 0.01 °C
B 0.1 °C
C 1 °C
D 10 °C

4 Antara berikut, yang manakah betul bagi perbandingan antara termometer klinik dengan termometer makmal?
Which of the following are correct for the difference between clinical thermometer and laboratory thermometer?

	Termometer klinik ***Clinical thermometer***	**Termometer makmal** ***Laboratory thermometer***
A	Menyukat suhu badan dalam julat 35 °C hinga 42 °C. *Measure body temperature in the range of* 35 °C *to* 42 °C.	Menyukat suhu cecair dalam julat -10 °C hingga 110 °C. *Measure liquid temperature in the range of* –10 °C *to* 110 °C.
B	Menyukat suhu cecair. *Measure liquid temperature.*	Menyukat suhu badan. *Measure body temperature.*
C	Menyukat suhu badan tanpa bersentuhan dengan badan. *Measure body temperature without having any contact with the body.*	Menyukat suhu badan melalui dubur. *Measure body temperature through the rectum.*
D	Tidak mempunyai pencerutan *Does not have kink*	Mempunyai pencerutan *Has kink*

BUKAN UNTUK DIJUAL

5 Rajah 1 menunjukkan sejenis termometer.
Diagram 1 *shows a type of thermometer.*



Rajah 1/*Diagram* 1

Berapakah bacaan yang ditunjukkan pada termometer itu?
What is the reading shown on the thermometer?

A 36.9 °C
B 37.0 °C
C 36.8 °C
D 37.1 °C

6 Rajah 2 menunjukkan satu bahagian pada termometer klinik.
Diagram 2 *shows a part of clinical thermometer.*



Rajah 2/ *Diagram* 2

Apakah fungsi bahagian berlabel X?
What is the function of the part labelled X*?*

A Merkuri tidak turun dengan cepat semasa mengambil bacaan.
Mercury does not go down quickly while taking reading.

B Menghalang merkuri daripada mengembang dan naik dengan cepat.
Prevents mercury from expanding and rising rapidly.

C Memastikan suhu melebihi 40 °C semasa bacaan diambil.
Ensure the temperature exceeds 40 °C *while the reading is taken.*

D Untuk mengurangkan tekanan yang dikenakan kepada merkuri.
To reduce the pressure exerted to mercury.

7 Rajah 3 menunjukkan seorang lelaki yang sedang menjalani latihan bebanan. Sebelum menjalani latihan, suhu badan yang dicatatkan ialah 36.7 °C.
Diagram 3 *shows a man undergoing weight training. Before training, his recorded body temperature was* 36.7 °C.

Rajah 3/*Diagram* 3

Antara berikut, suhu badan yang manakah akan dimiliki oleh lelaki itu selepas dia selesai menjalani latihan?
Which of the following body temperatures will the man have after he finished his training?

A 36.7 °C **B** 36.5 °C
C 37.3 °C **D** 36.6 °C

8 Antara bahagian badan berikut, di manakah kita dapat merasai nadi?
Which of the following parts of the body can we feel the pulse?

A

B



C

D

9 Rajah 4 menunjukkan salah satu kaedah bagi mengukur bilangan degupan jantung bagi seorang murid dalam masa seminit.
Diagram 4 *shows one of the methods to measure the number of heartbeats for a student in a minute.*



Rajah 4/*Diagram* 4

Antara berikut, yang manakah alasan paling sesuai mengapa kawasan X dipilih?
Which of the following is the most appropriate reason why area X *is chosen?*

BUKAN UNTUK DIJUAL

A Bilangan arteri paling banyak
The most number of arteries
B Arteri paling dekat dengan jantung
Arteries are closest to the heart
C Saiz arteri paling besar di kawasan berkenaan
The largest artery in the area
D Arteri terletak sangat dekat dengan permukaan kulit
Arteries are very close to the surface of the skin

10 Antara berikut, yang manakah merupakan purata kadar denyutan nadi dalam keadaan rehat?
Which of the following is the average pulse rate at rest?
A 60 – 100 bpm
B 40 – 60 bpm
C 60 – 80 bpm
D 100 – 120 bpm

11

Apabila R meningkat, kadar denyutan nadi semakin rendah. *When* R *increases, the pulse rate decreases.*

Apakah R?
What is R*?*
A Jantina
Gender
B Umur
Age
C Aktiviti fizikal
Physical activity
D Emosi
Emotion

12 Kadar denyutan nadi ialah pengukuran bilangan degupan jantung dalam seminit. Jika denyutan nadi Anita ialah 12 degupan selama 10 saat, berapakah kadar denyutan nadi Anita?
Pulse rate is a measurement of the number of heartbeats per minute. If Anita's pulse is 12 *heartbeats in* 10 *seconds, what is Anita's pulse rate?*
A 36
B 72
C 60
D 120

13 Seorang murid dikehendaki menjalankan eksperimen kadar denyutan nadi. Antara radas berikut, yang manakah paling diperlukan oleh murid itu?
A student is required to conduct an experiment on pulse rate. Which of the following equipment is most needed by the student?

A


B

C


D


14 Antara berikut, yang manakah digunakan untuk mengukur tekanan darah?
Which of the following is used to measure blood pressure?
A Termometer
Thermometer
B Stetoskop
Stethoscope
C Sfigmomanometer
Sphygmomanometer
D Manometer
Manometer

15 Tekanan sistolik ialah
Systolic pressure is
A tekanan yang dikenakan oleh darah pada vena semasa darah masuk ke jantung.
the pressure exerted by the blood in the vein when the blood enters the heart.
B tekanan yang dikenakan oleh darah pada vena semasa darah dipam oleh jantung ke seluruh badan.
the pressure exerted by the blood in the vein when the blood is pumped by the heart to the whole body.
C tekanan yang dikenakan pada dinding salur darah apabila otot jantung berehat.
the pressure exerted on the wall of the blood vessels when the heart muscles relax.
D tekanan yang dikenakan pada dinding salur darah apabila otot jantung mengecut.
the pressure exerted on the wall of the blood vessels when the heart muscles contract.

16 Antara berikut, bacaan tekanan darah yang manakah menunjukkan individu dengan hipertensi?
Which of the following blood pressure readings shows an individual with hypertension?

	Sistolik *Systolic*	**Diastolik** *Diastolic*
A	111	68
B	120	82
C	125	84
D	130	85

17 Rajah 5 menunjukkan alat yang digunakan bagi mengukur tekanan darah.
Diagram 5 shows a device used to measure blood pressure.



Rajah 5/*Diagram* 5

Menguasai | Tidak Menguasai

BUKAN UNTUK DIJUAL

Apakah bacaan darah bagi individu tersebut?
What is the blood pressure reading for this individual?

A 82/118 mmHg
B 118/82 mmHg
C 75/82 mmHg
D 75/118 mmHg

18 Antara berikut, yang manakah merupakan rumus BMI?
Which of the following is the formula for BMI?

A Jisim badan × Ketinggian
Body mass × Height
B Jisim badan × Ketinggian^2
Body mass × Height^2
C $\frac{\text{Jisim badan/ } \textit{Body mass}}{\text{Ketinggian}^2\text{/ } \textit{Height}^2}$
D $\frac{\text{Jisim badan/ } \textit{Body mass}}{\text{Ketinggian/ } \textit{Height}}$

19 Indeks jisim badan bagi individu dengan jisim badan unggul ialah
The body mass index for an individual with desirable weight is

A kurang daripada 18.5 kg m^{-2}.
less than 18.5 kg m^{-2}.
B antara 18.5 hingga 24.9 kg m^{-2}.
between 18.5 *to* 24.9 kg m^{-2}.
C antara 25.0 hingga 29.9 kg m^{-2}.
between 25.0 *to* 29.9 kg m^{-2}.
D lebih daripada 30.0 kg m^{-2}.
more than 30.0 kg m^{-2}.

20 Daison mempunyai jisim badan 78 kg dan tinggi 1.81 m. Hitung BMI Daison.
Daison has a body mass of 78 kg *and height of* 1.81 m. *Calculate Daison's BMI.*

A 18.6 kg m^{-2}
B 23.8 kg m^{-2}
C 33.5 kg m^{-2}
D 43.0 kg m^{-2}

21 Rajah 6 merupakan seorang lelaki yang mengalami komplikasi sendi dan tulang sehingga dia tidak mampu untuk berjalan secara normal.
Diagram 6 shows a man suffering from joint and bone complications, preventing him from walking normally.

Rajah 6/*Diagram 6*

Apakah simptom yang mungkin ada pada lelaki itu sehingga dia menghidapi komplikasi tersebut?
What symptoms might this man have that led to these complications?

A Tekanan darah tinggi berlarutan
Prolonged high blood pressure
B Obes
Obese
C Kurang jisim badan
Underweight
D Kadar denyutan nadi rendah
Low pulse rate

22 Perbuatan yang manakah meningkatkan risiko seseorang untuk memiliki BMI lebih daripada 30.0 kg m^{-2}?
Which action increases a person's risk of having a BMI *of more than* 30.0 kg m^{-2}*?*

A Mengambil banyak sayur dan buah.
Eat more vegetables and fruits.
B Makan lewat malam.
Eat late at night.
C Mengambil snek ringan yang tinggi kandungan gula dan garam secara berlebihan.
Consume snacks that contain high sugar and salt excessively.
D Kurang mengambil makanan.
Take less food.

23 Perhatikan gambar di bawah. Yang manakah paling sesuai untuk diambil oleh individu yang sedang menurunkan jisim badan?
Observe the image below. Which option is most suitable for an individual trying to reduce body mass?

A



B

C



D



BUKAN UNTUK DIJUAL

Kertas 2

Bahagian A

1 Maklumat dalam Rajah 1 menunjukkan nilai Indeks Jisim Badan (BMI) bagi 20 orang murid.
The information in Diagram 1 *shows the values of Body Mass Index* (BMI) *for* 20 *students.*

26.7	30.2	17.0	29.9	34.0	18.4	31.7	17.9	18.7	23.4
22.8	21.0	19.9	20.5	23.6	22.0	21.5	18.9	33.5	31.2

Rajah 1/*Diagram* 1

(a) Berdasarkan maklumat dalam Rajah 1, lengkapkan Jadual 1.
Based on the information in Diagram 1*, complete Table* 1.

BMI (kg m^{-2})	< 18.5	18.5 – 24.9	25.0 – 29.9	> 30.0
Bilangan murid ***Number of students***				

Jadual 1/*Table* 1

[2 markah/*marks*]

(b) Berdasarkan Jadual 1, bina carta palang yang menunjukkan bilangan murid melawan BMI.
Based on Table 1*, construct a bar chart to show the number of students against the* BMI.

[2 markah/*marks*]

BUKAN UNTUK DIJUAL

(c) BMI merupakan ukuran yang digunakan untuk menentukan tahap kesihatan jisim seseorang. Apakah julat BMI bagi jisim badan unggul?
BMI *is a measurement used to determine mass health level of a person.*
What is the range of BMI *for ideal body mass?*

_____

[1 markah/*mark*]

Bahagian B

2 Rajah 2.1 menunjukkan sejenis termometer yang digunakan untuk mengukur suhu badan di sebuah kompleks beli-belah yang terkenal.
Diagram 2.1 *shows a type of thermometer used to measure the body temperature in a well-known shopping complex.*



Rajah 2.1/*Diagram* 2.1

(a) Namakan jenis termometer tersebut.
Name the type of thermometer.

_____

[1 markah/*mark*]

(b) Terangkan kaedah yang betul semasa menggunakan termometer tersebut.
Explain the correct method when using the thermometer.

_____

_____

[2 markah/*marks*]

(c) Nyatakan **satu** sebab jika bacaan suhu yang diperoleh lebih tinggi daripada bacaan suhu badan normal.
State **one** *reason if the temperature reading obtained is higher than the normal body temperature.*

_____

[1 markah/*mark*]

(d) Rajah 2.2 menunjukkan sebatang termometer rektal.
Diagram 2.2 *shows a rectal thermometer.*



Rajah 2.2/*Diagram* 2.2

Huraikan kaedah yang betul untuk menggunakan termometer rektal tersebut pada seorang bayi.
Describe the correct method to use the rectal thermometer on an infant.

_____

_____

[2 markah/*marks*]

BUKAN UNTUK DIJUAL

3 Rajah 3 menunjukkan sebuah sfigmomanometer.
Diagram 3 *shows a sphygmomanometer.*



Rajah 3/*Diagram* 3

(a) Sfigmomanometer ialah alat yang digunakan untuk mengukur tekanan darah.
A sphygmomanometer is a device used to measure blood pressure.
Nyatakan jenis sfigmomanometer yang memberikan bacaan tekanan darah paling tepat.
State the type of sphygmomanometer that gives the most accurate blood pressure reading.

_____

[1 markah/*mark*]

(b) Tekanan darah seorang wanita mengandung diukur menggunakan sfigmomanometer. Bacaan tekanan darah yang diperoleh ialah 150/90 mmHg. Adakah bacaan tersebut normal?
A pregnant woman gets her blood pressure measured using the sphygmomanometer. The blood pressure reading obtained is 150/90 mmHg. *Is the reading normal?*

_____

[1 markah/*mark*]

(c) Terangkan keadaan otot jantung bagi bacaan tekanan darah 160/80 mmHg.
Describe the conditions of the heart muscle for the blood pressure reading of 160/80 mmHg.
(i) 160 mmHg

_____

(ii) 80 mmHg

_____

[2 markah/*marks*]

(d) Senaraikan bacaan tekanan darah yang menunjukkan seseorang itu
List the blood pressure reading that indicates a person is
(i) normal.
normal.

_____

(ii) sedang mengalami strok.
having a stroke.

_____

[2 markah/*marks*]

4 Jadual 2 menunjukkan bacaan tekanan darah dan BMI individu R, S dan T.
Table 2 *shows the blood pressure readings and* BMI *of individuals* R, S *and* T.

Individu ***Individual***	**Tekanan darah (mmHg)** ***Blood pressure* (mmHg)**	**BMI (kg m^{-2})**
R	121 / 82	24.0
S	124 / 84	25.3
T	181 / 112	32.3

Jadual 2/ *Table* 2

BUKAN UNTUK DIJUAL

(a) Nyatakan **satu** persamaan dan **satu** perbezaan antara individu R dan S.
State **one** *similarity and* **one** *difference between individuals* R *and* S.

Persamaan: _____
Similarity

Perbezaan: _____
Difference

VIDEO ULASAN JAWAPAN
Soalan 4a

[2 markah/*marks*]

(b) Rajah 4 menunjukkan sejenis penyakit yang disebabkan oleh pemakanan.
Diagram 4 *shows a type of disease caused by nutrition.*



Rajah 4/*Diagram* 4

Individu manakah dalam Jadual 2, yang mengalami penyakit seperti dalam Rajah 4? Terangkan jawapan anda.
Which individual in Table 2*, has a disease like in Diagram* 4*? Explain your answer.*

_____

_____

[2 markah/*marks*]

(c) (i) Nyatakan **satu** kesan jisim badan berlebihan terhadap kesihatan.
State **one** *effect of overweight on health.*

_____

[1 markah/*mark*]

(ii) Nyatakan **satu** langkah yang perlu dilakukan untuk mengatasi masalah jisim badan berlebihan.
State **one** *step that needs to be done to overcome the problem of overweight.*

_____

[1 markah/*mark*]

Bahagian C

5 Kaji maklumat berikut.
Study the following information.

Kadar denyutan nadi manusia berbeza mengikut aktiviti fizikal yang dilakukan. *The rate of human pulse varies according to the physical activity performed.*

(a) Nyatakan **satu** pernyataan masalah daripada maklumat di atas.
State **one** *problem statement from the above information.*

[1 markah/*mark*]

(b) Cadangkan **satu** hipotesis untuk menyiasat pernyataan di atas.
Suggest **one** *hypothesis to investigate the above statement.*

[1 markah/*mark*]

BUKAN UNTUK DIJUAL

(c) Berdasarkan maklumat yang diberi, reka bentuk satu eksperimen makmal untuk menguji hipotesis anda dengan menggunakan seorang murid sebagai bahan yang diuji dan jam randik.
Based on the given information, design a laboratory experiment to test your hypothesis by using a student as experimental material and a stopwatch.

Huraian anda haruslah mengandungi aspek berikut:
Your description must include the following aspect:

(i) Tujuan eksperimen/ *The aim of the experiment*

[1 markah/*mark*]

(ii) Faktor yang diubah dan faktor yang dikawal.
Factor that is changed and factor that is controlled.

[2 markah/*marks*]

(iii) Penjadualan data/ *The tabulation of data*

[1 markah/*mark*]

(iv) Tiga aspek yang diperlukan untuk melukis carta bar eksperimen tersebut.
Three aspects that are needed to draw the bar chart of the experiment.

[3 markah/*marks*]

(v) Nyatakan **satu** langkah berjaga-jaga semasa menjalankan eksperimen untuk mendapatkan keputusan yang jitu
State **one** *precautionary step during the experiment to obtain accurate result*

[1 markah/*mark*]

RUANG JAWAPAN BAHAGIAN C

BUKAN UNTUK DIJUAL

BAB 4 Teknologi Hijau dalam Melestarikan Alam

Green Technology for Environmental Sustainability

NOTES

VIDEO PEMBELAJARAN

NOTA EFEKTIF

4.1 Kelestarian Alam Sekitar

1 Definisi Teknologi Hijau: Pembangunan dan aplikasi produk, peralatan serta sistem untuk memelihara alam sekitar dan alam semula jadi serta meminimumkan atau mengurangkan kesan negatif daripada aktiviti manusia.

2

Kepentingan Teknologi Hijau

- Mengatasi masalah kemusnahan alam sekitar
- Menggunakan sumber tenaga boleh baharu
- Mengurangkan pengeluaran karbon
- Meningkatkan kesihatan manusia
- Menjimatkan penggunaan sumber asli

3

Kecekapan Tenaga ↔ Teknologi Hijau

Tonggak Dasar Teknologi Hijau Kebangsaan Julai 2009

Alam sekitar
- Minimumkan kesan negatif
- Pulihara alam sekitar

Sosial
- Tingkat kualiti hidup

Ekonomi
- Tingkat ekonomi negara melalui teknologi

Tenaga
- Promosi kecekapan tenaga dan ketidakbergantungan terhadap tenaga

Nota:

Akronim **ASET**

BUKAN UNTUK DIJUAL

4 Pelaksanaan kecekapan tenaga dalam Teknologi Hijau:
- Label kecekapan tenaga bagi perkakas elektrik
- Indeks Bangunan Hijau
- Kempen teknologi cekap tenaga
- Kempen penggunaan tenaga elektrik berasaskan tenaga solar
- Kempen kesedaran terhadap pengguna

5

4.2 – 4.5 Sektor Teknologi Hijau, Isu Sosiosaintifik dan Aplikasi Teknologi Hijau dalam Menangani Isu

Sektor	Isu sosiosaintifik	Aplikasi Teknologi Hijau
Tenaga	• Pemanasan global • Pencemaran udara • Bahan api fosil akan habis. • Pembakaran bahan api fosil meningkatkan pembebasan gas rumah hijau.	• Pemerkasaan penggunaan tenaga boleh baharu. • Kempen amalan kecekapan tenaga. • Saranan penjimatan penggunaan tenaga elektrik oleh pengguna.
Pertanian dan perhutanan	• Penerokaan hutan • Pembukaan tanah • Pembakaran terbuka • Penggunaan racun serangga dan bahan kimia.	• Merawat dan memproses sisa pertanian untuk dijadikan **baja kompos**. • Penanaman semula pokok-pokok. • Mengawal aktiviti pembalakan. • Mewartakan lebih banyak kawasan hutan simpan.
Pengangkutan	• Pembebasan gas karbon dioksida dan karbon monoksida. • Peningkatan gas rumah hijau. • Petroleum merupakan sumber tenaga tidak boleh baharu yang akan habis digunakan. • Hujan asid	• Pengangkutan hijau • Penciptaan kenderaan gas asli (NGV). • Penggunaan bahan api bio.

BUKAN UNTUK DIJUAL

Sektor	Isu sosiosaintifik	Aplikasi Teknologi Hijau
Pengurusan sisa dan air sisa	• Pembuangan sisa dan air sisa ke sungai. • Sisa makanan yang tidak dilupuskan dengan baik.	• Pencegahan dan pengurangan • Pengasingan dan kitar semula • Rawatan dan pemprosesan (proses biologi). • Tolak, kurangkan, guna semula, kitar semula dan pemulihan (5R).
Bangunan	Reka bentuk bangunan yang tidak mesra alam.	• Penggunaan bahan binaan hijau. • Penggunaan tenaga dan air yang cekap. • Pengurusan sisa pepejal yang baik.
Perindustrian dan pembuatan	• Pencemaran udara • Pencemaran air • Pencemaran tanah	Program kecekapan tenaga bagi mengurangkan kesan negatif seperti kesan rumah hijau, jerebu dan hujan asid.
Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK)	• Pelupusan barang TMK • Penggunaan barang teknologi	• Pengamalan TMK Hijau dalam pembuatan, reka bentuk, penggunaan serta pelupusan barang digital. • Menggunakan bahan terbiodegradasi. • Menjimatkan tenaga

4.6 Teknologi Hijau dan Kehidupan

Jejak kaki karbon

Jejak kaki karbon ialah jumlah gas rumah hijau, iaitu karbon dioksida yang dibebaskan daripada aktiviti-aktiviti manusia.

BUKAN UNTUK DIJUAL

LATIHAN INTENSIF

Kertas 1

1 Antara berikut, yang manakah merupakan kepentingan Teknologi Hijau?
Which of the following is the importance of Green Technology?

A Meningkatkan pengeluaran karbon.
Increase the emission of carbon.

B Mengurangkan tahap kehidupan manusia.
Reduce the living standard of humans.

C Mengatasi masalah kemusnahan alam sekitar.
Overcome the environmental destruction problems.

D Menjimatkan penggunaan sumber asli negara dengan menggunakan sumber tenaga tidak boleh baharu.
Save the usage of natural resources of the country by using non-renewable energy source.

2 Antara berikut, yang manakah mengaplikasikan konsep Teknologi Hijau?
Which of the following apply the concept of Green Technology?

A Menggunakan petrol berplumbum
Use leaded petrol

B Menggunakan kereta petrol
Use petrol cars

C Menggunakan baja kimia
Use chemical fertiliser

D Mengamalkan 5R
Practicing the 5R's

3 Maklumat berikut berkaitan dengan satu sektor yang terlibat dalam Teknologi Hijau.
The following information is related to a sector which is involved in Green Technology.

- Berfokus pada kawalan asap kenderaan yang mengeluarkan gas karbon dioksida dan karbon monoksida.
  Focus on vehicles smoke control that emit carbon dioxide and carbon monoxide gases.
- Menekankan penggunaan Pengangkutan Hijau.
  Emphasizing the use of Green Transportation.

Sektor ini merujuk kepada
This sector refers to the

A sektor tenaga.
energy sector.

B sektor bangunan.
building sector.

C sektor pengangkutan.
transportation sector.

D sektor pertanian dan perhutanan.
agriculture and forestry sector.

4 Rajah 1 menunjukkan tangki pengumpulan air hujan.
Diagram 1 shows a rainwater collection tank.



Rajah 1/*Diagram* 1

Apakah sektor dalam Teknologi Hijau yang berkaitan dengan Rajah 1?
What sector in Green Technology related to Diagram 1?

A Sektor tenaga
Energy sector

B Sektor bangunan
Building sector

C Sektor perindustrian dan pembuatan
Industrial and manufacturing sector

C Sektor pengurusan sisa dan air sisa
Waste and wastewater management sector

5 Rajah 2 menunjukkan label cekap tenaga yang ditampal pada peralatan elektrik dan elektronik.
Diagram 2 shows the energy efficiency label attached to the electrical and electronic equipments.

Rajah 2/*Diagram* 2

Bagaimanakah Shida boleh mengamalkan penjimatan tenaga untuk melestarikan kecekapan tenaga di rumahnya?
How can Shida practice energy saving to preserve energy efficiency in her house?

Menguasai | Tidak Menguasai

BUKAN UNTUK DIJUAL

A Menggunakan penyaman udara yang mempunyai label cekap tenaga 5 bintang.
Use air conditioning that has 5-star energy efficiency label.

B Membasuh pakaian menggunakan mesin basuh tanpa label kecekapan tenaga.
Washing clothes using a washing machine without energy efficiency label.

C Menggunakan peti ais yang mempunyai label cekap tenaga 2 bintang.
Using a refrigerator that has a 2-star energy efficiency label.

D Menggunakan lampu kalimantang berbanding lampu LED.
Using fluorescent lights instead of LED lights.

6 Antara berikut, yang manakah merupakan sumber tenaga boleh baharu?
Which of the following is a renewable energy source?

A Tenaga geoterma
Geothermal energy

B Tenaga gas asli
Natural gas energy

C Tenaga bahan api fosil
Fossil fuels energy

D Tenaga nuklear
Nuclear energy

7 Rajah 3 menunjukkan kesesakan lalu lintas di atas jalan raya.
Diagram 3 shows the traffic congestion on the road.



Rajah 3/*Diagram* 3

Antara berikut, yang manakah merupakan kesan jika gas rumah hijau dibebaskan tanpa kawalan?
Which of the following is an effect if greenhouse gases are released uncontrolled?

A Gempa bumi
Earthquake

B Pemanasan global
Global warming

C Penurunan suhu dunia
Decrease in global temperature

D Letusan gunung berapi
Volcanic eruption

8 Antara berikut, manakah dapat mengurangkan pencemaran air?
Which of the following can reduce water pollution?

A Penanaman semula hutan
Reforestation

B Menggunakan kawalan biologi
Use biological control

C Membuang sampah ke dalam parit
Throw rubbish into the drain

D Merawat air sisa sebelum dialirkan ke sungai
Treat wastewater before letting it flow into the river

9 Rajah 4 menunjukkan aplikasi Teknologi Hijau yang digunakan di sebuah rumah teres.
Diagram 4 shows the application of Green Technology used in a terrace house.



Rajah 4/*Diagram* 4

Apakah faktor utama teknologi ini berpotensi untuk dilaksanakan di Malaysia?
What is the main factor that have the potential for this technology to be implemented in Malaysia?

A Permintaan tinggi untuk sayur organik.
High demand for organic vegetables.

B Bekalan ikan yang mudah dapat di pasaran.
Fish supplies that are easily available in the market.

C Malaysia menerima sinaran cahaya matahari yang tinggi sepanjang tahun.
Malaysia receives high levels of sunlight throughout the year.

D Kerajaan menyokong petani yang menggunakan hidroponik.
The government supports farmers who use hydroponics.

10 Antara berikut, yang manakah isu sosiosaintifik berkaitan dengan pengangkutan?
Which of the following is a socio-scientific issue that is related to the transportation?

A Penggunaan bahan api bio
Use biofuel

B Menghasilkan kenderaan elektrik
Produce electric vehicle

C Pembebasan gas karbon dioksida
Release carbon dioxide

D Menggunakan Pengangkutan Hijau
Use Green Transportation

BUKAN UNTUK DIJUAL

11 Rajah 5 menunjukkan penggunaan beg plastik di sebuah pasaraya.
Diagram 5 shows the use of plastic bags in a supermarket.

Rajah 5/*Diagram* 5

Apakah kesan utama jika permintaan beg plastik dibiarkan tanpa kawalan?
What is the main effect if the demand for plastic bag is uncontrolled?

A Jerebu
Haze
B Sisa pepejal bertambah
Solid waste increases
C Pembalakan terkawal
Controlled logging
D Kepupusan flora dan fauna
Extinction of flora and fauna

12 Antara yang berikut, yang manakah dapat mengurangkan pemanasan global?
Which of the following can reduce global warming?

A Penebangan hutan
Deforestation
B Membina lebih banyak kilang
Build more factories
C Penggunaan sumber tenaga boleh baharu
Use of renewable energy sources
D Meningkatkan bilangan kenderaan di jalan raya
Increase the number of vehicles on the road

13 Rajah 6 menunjukkan mod pengangkutan hijau.
Diagram 6 shows the mode of green transportation.



Rajah 6/*Diagram* 6

Apakah yang diwakili oleh X?
What is represented by X?

A Bas
Bus
B Beca
Rickshaw
C Teksi
Taxi
D Kapal terbang
Airplane

14 Gas rumah hijau yang menyebabkan pemanasan global ialah
The greenhouse gas that causes global warming is

A karbon dioksida.
carbon dioxide.
B klorofluorokarbon.
chlorofluorocarbon.
C sulfur dioksida.
sulphur dioxide.
D nitrogen dioksida.
nitrogen dioxide.

Kertas 2

Bahagian B

1 Rajah 1 menunjukkan kejadian tanah runtuh yang berlaku akibat daripada aktiviti R.
Diagram 1 *shows the landslide that occurred as a result of activity* R.



Rajah 1/*Diagram* 1

BUKAN UNTUK DIJUAL

(a) Apakah aktiviti R?
What is activity R*?*

_____

[1 markah/*mark*]

(b) Nyatakan sumber alam yang diterokai dalam aktiviti R.
State the natural resources explored in activity R.

_____

[1 markah/*mark*]

(c) Huraikan hubungan antara aktiviti R dengan peningkatan gas rumah hijau.
Explain the relationship between activity R *and increasing in greenhouse gases.*

_____

_____

_____

[2 markah/*marks*]

(d) Cadangkan **dua** aplikasi Teknologi Hijau untuk menangani isu sosiosaintifik yang melibatkan aktiviti R.
Suggest **two** *applications of Green Technology to overcome the socio-scientific issues involving activity* R.

_____

_____

[2 markah/*marks*]

2 Rajah 2.1 menunjukkan sebuah rumah yang terletak di tengah bandar.
Diagram 2.1 *shows a house located in the middle of town.*

Rajah 2.1/*Diagram* 2.1

(a) Berdasarkan Rajah 2.1,
Based on Diagram 2.1,

(i) cadangkan bagaimana rumah ini boleh mengurangkan pembebasan gas rumah hijau.
suggest how this house can reduce greenhouse gas emissions.

_____

[1 markah/*mark*]

(ii) Cara yang dinyatakan di (a)(i) mengaplikasikan Teknologi Hijau. Wajarkan.
The way stated in (a)(i) *apply Green Technology. Justify.*

_____

[1 markah/*mark*]

BUKAN UNTUK DIJUAL

(iii) Terangkan isu sosiosaintifik yang boleh berlaku di sekitar kawasan rumah ini.
Explain the socio-scientific issues that can occur around this house area.

_____

_____

[2 markah/*marks*]

(b) Rajah 2.2 menunjukkan sebuah kenderaaan elektrik (EV).
Diagram 2.2 *shows an electric vehicle (EV).*

VIDEO ULASAN JAWAPAN
Soalan 2b



Rajah 2.2/*Diagram* 2.2

Terangkan bagaimana penggunaan kenderaan elektrik dapat mengurangkan pemanasan global.
Explain how the use of electric vehicles can reduce global warming.

_____

_____

[2 markah/*marks*]

Bahagian C

3 Kempen 'Hari Tanpa Kenderaan' telah diperkenalkan di seluruh negara dalam usaha untuk mengurangkan jejak kaki karbon, terutamanya di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur, Johor Bahru, Putrajaya dan lain-lain.
The 'No Vehicle Day' campaign has been introduced throughout the country as an effort to reduce the carbon footprint, especially in big cities such as Kuala Lumpur, Johor Bahru, Putrajaya and others.

(a) Apakah yang dimaksudkan dengan jejak kaki karbon?
What is meant by the carbon footprint?

[2 markah/*marks*]

(b) Bagaimanakah 'Hari Tanpa Kenderaan' dapat mengurangkan jejak kaki karbon di bandar-bandar besar? Terangkan jawapan anda.
How the "No Vehicle Day" can reduce the carbon footprint in the big cities? Explain your answer.

[4 markah/*marks*]

(c) Cadangkan cara-cara mengurangkan jejak kaki karbon di kawasan bandar merangkumi sektor tenaga, pengangkutan dan bangunan bagi mengurangkan kesan rumah hijau serta pemanasan global yang semakin kritikal.
Suggest ways to reduce carbon footprint in cities in the energy, transportation and building sectors to reduce the greenhouse effects as well as global warming which is increasingly critical.

[6 markah/*marks*]

BUKAN UNTUK DIJUAL

BAB 5 Genetik
Genetics

NOTES

VIDEO PEMBELAJARAN

NOTA EFEKTIF

5.1 Pembahagian Sel

1 Kenali komponen dalam nukleus.

a, b dan c adalah **pasangan kromosom homolog**.
Bilangan kromosom adalah enam/tiga pasang



Proses replikasi/ penduaan





- **Gen** ialah unit asas pewarisan yang menentukan ciri-ciri individu. Contohnya, gen 1 membawa ciri warna rambut, gen 2 membawa ciri jenis cuping telinga dan gen 3 membawa ciri kebolehan menggulung lidah.
- **DNA** terdiri daripada unit-unit asas yang dikenali sebagai nukleotida.



Nukleotida terdiri daripada tiga komponen iaitu kumpulan fosfat, gula deoksiribosa dan bes bernitrogen.

2 Dalam manusia, kromosom terbahagi kepada dua:

Kromosom

- Kromosom seks
  - Membawa gen yang menentukan jantina (lelaki/ perempuan)
  - Terdiri daripada kromosom seks X dan kromosom seks Y
- Autosom
  - Membawa gen yang mengawal sifat (warna mata, kebolehan menggulung lidah)

BUKAN UNTUK DIJUAL

3 Peringkat-peringkat dalam mitosis dan meiosis.

- Mitosis



- Meiosis



BUKAN UNTUK DIJUAL

4 Perbandingan mitosis dan meiosis:

Persamaan	
• Proses pembahagian sel • Melibatkan replikasi DNA	
Perbezaan	
Mitosis	**Meiosis**
Berlaku di sel soma	Berlaku di sel pembiakan
Dua sel anak dihasilkan	Empat sel anak dihasilkan
Tiada pindah silang	Ada pindah silang
Tiada variasi	Ada variasi
Bilangan kromosom sel anak sama dengan sel induk	Bilangan kromosom sel anak separuh daripada sel induk
Sel anak seiras dari segi genetik	Sel anak berbeza dari segi genetik
Kepentingan: • Untuk pertumbuhan • Menggantikan sel rosak/ mati • Untuk pembiakan aseks	Kepentingan: • Menghasilkan gamet (untuk pembiakan seks)

5.2 Pewarisan

1 Kata kunci:

Gen	Unit asas pewarisan yang membawa ciri/ sifat yang diwarisi
Trait	Ciri khusus yang diwarisi
Gen dominan/ alel dominan	Kehadirannya akan mempamerkan sifat yang dikawal. Diwakili oleh huruf abjad besar
Gen resesif/ alel resesif	Akan mempamerkan sifat yang dikawal sekiranya tiada gen/ alel dominan
Genotip	Maklumat genetik
Fenotip	Ciri-ciri fizikal

2 Contoh pewarisan:

- Rajah **kacukan monohibrid** bagi ciri **ketinggian:**



BUKAN UNTUK DIJUAL

- Rajah **kacukan monohibrid generasi filial ke-2** bagi ciri **ketinggian:**



3 Contoh soalan:
Berapakah nisbah pokok kacang pea tinggi kepada pokok kacang pea kerdil?

(a) Fenotip Tinggi Tinggi Tinggi Kerdil

Jawapan: 3:1

(b) Fenotip Tinggi Tinggi Kerdil Kerdil

Jawapan: 2: 2 @ 1:1

5.3 Mutasi

1 Perubahan spontan dan rawak yang berlaku kepada gen dan kromosom:

Mutasi kromosom	**S**indrom Down **S**indrom Turner **S**indrom Klinefelter } **(SSS)**	
Mutasi gen	**T** = Talasemia **A** = Anemia sel sabit **B** = Buta warna **A** = Albinisme **H** = Hemofilia } **(TABAH)**	
Faktor yang menyebabkan mutasi	• Semula jadi = kehamilan pada usia lewat, pembahagian sel tidak lengkap semasa mitosis • Faktor luaran = sinar radioaktif, sinar X, sinar ultraungu, karsinogen	
Penyakit gangguan gen	Gangguan terangkai seks, hemofilia, buta warna	
	Kaedah mengesan penyakit gangguan gen	Kaedah amniosentesis
		Kaedah kariotip
Aplikasi penyelidikan genetik	Sains forensik, terapi gen, genealogi genetik	

5.4 Teknologi Kejuruteraan Genetik

1 Definisi:

Teknologi DNA rekombinan	Menggabungkan dua spesies yang berbeza untuk menghasilkan satu ciri genetik baharu melalui kombinasi DNA. Contoh: Penghasilan insulin.
Organisma Termodifikasi Genetik (GMO)	Organisma yang diubah suai secara genetik untuk tujuan tertentu.

BUKAN UNTUK DIJUAL

2 Kesan teknologi kejuruteraan genetik dalam kehidupan.

Kebaikan	Keburukan
• Menghasilkan tanaman dan ternakan yang berkualiti. • Meningkatkan hasil tanaman. • Mengenal pasti dan menentukan penyakit baka dan seterusnya merawat penyakit tersebut.	• Boleh menyebabkan kesan sampingan seperti mutasi. • Penghasilan spesies baharu akan menghapuskan spesies asal. • Pengubahsuaian genetik mungkin digunakan secara tidak beretika.

3 Etika dalam teknologi kejuruteraan genetik:
- Penyelidik mesti mempunyai integriti yang tinggi.
- Membantu menyelesaikan masalah kesihatan manusia.
- Membantu menangani kekurangan makanan dunia.
- Tidak menyentuh sensitiviti agama dan moral.
- Penguatkuasaan undang-undang terhadap penyelidik agar teknologi tidak disalah guna.

5.5 Variasi

1 Perbezaan variasi selanjar dan variasi tak selanjar:

Variasi selanjar	Variasi tak selanjar
Perbezaan yang tidak ketara/ tidak jelas antara individu dalam populasi yang sama	Perbezaan yang ketara/ sangat jelas antara individu dalam populasi yang sama
Ditentukan oleh faktor genetik dan persekitaran	Ditentukan oleh faktor genetik sahaja
Kuantitatif	Kualitatif
Taburan normal	Berbentuk diskrit
Graf berbentuk histogram 	Graf berbentuk carta bar/ palang 
Contoh: Ketinggian, jisim, berat badan, kepintaran, warna kulit	Contoh: Jenis cuping telinga, kumpulan darah, jenis cap jari, kebolehan menggulung lidah

2 Faktor-faktor yang menyebabkan variasi:

Faktor genetik	Faktor persekitaran
• Pindah silang antara kromosom homolog. • Persenyawaan antara gamet jantan dan gamet betina secara rawak. • Mutasi kromosom atau gen menghasilkan fenotip baharu.	• Nilai pH • Cahaya matahari • Suhu • Pemakanan • Iklim

3 Kepentingan variasi:
- Membolehkan organisma menyesuaikan diri dengan perubahan persekitaran.
- Membolehkan kita membezakan dan mengecam individu dalam spesies yang sama.
- Membenarkan pemilihan semula jadi.
- Membantu organisma dalam penyamaran untuk melindungi diri.

BUKAN UNTUK DIJUAL

LATIHAN INTENSIF

Kertas 1

1 Apakah DNA?
What is DNA?
A Merupakan satu organel.
It is an organelle.
B Unit asas pewarisan yang menentukan ciri-ciri individu.
Basic unit of inheritance which determines the characteristics of an individual.
C Terdiri daripada unit-unit asas yang dikenali sebagai nukleotida.
Consist of basic units known as nucleotides.
D Struktur bebenang halus yang terdiri daripada asid nukleik dan protein.
Fine thread-like structures which consist of nucleic acid and protein.

2 Maklumat berikut berkaitan dengan X.
The following information is related to X.

Bebenang halus, panjang dan berlingkar di dalam nukleus. *Fine, long, coiled filaments inside the nucleus.*

Apakah X?
What is X*?*
A Kromosom
Chromosome
B Nukleus
Nucleus
C DNA
DNA
D Gen
Gene

3 Setiap kromosom wujud secara berpasangan. Pasangan kromosom ini dikenali sebagai
Each chromosome exists in pairs. This pair of chromosomes is known as
A kromosom autosom.
autosome chromosome.
B kromosom homolog.
homologous chromosome.
C kromosom seks.
sex chromosome.
D kromosom kariotip.
karyotype chromosome.

4 Di manakah kedudukan kromosom di dalam sel?
Where is the chromosome situated in the cell?
A Di dalam nukleus
In the nucleus
B Di dalam sitoplasma
In the cytoplasm
C Terletak di antara DNA
Located in between DNA
D Bersebelahan membran sel
Beside cell membrane

5 Rajah 1 menunjukkan struktur kromosom.
Diagram 1 *shows the structure of chromosome.*



Rajah 1/*Diagram* 1

Bahagian manakah antara **A**, **B**, **C** dan **D**, mewakili kromatid kembar?
Which part of **A**, **B**, **C**, *and* **D**, *represents the sister chromatids?*

6 Apakah perbezaan antara kariotip lelaki dan kariotip perempuan?
What is the difference between male karyotype and female karyotype?
A Berbeza pada bilangan kromosom
Different in chromosome count
B Berbeza pada saiz kromosom
Different in chromosome size
C Berbeza pada kromosom seks
Different in sex chromosome
D Berbeza pada kromosom autosom
Different in autosome chromosome

7 Apakah peranan kromosom seks?
What is the role of sex chromosome?
A Membawa gen mutasi
Carry mutated genes
B Membawa gen semula jadi
Carry natural genes
C Membawa gen yang mengawal sifat
Carry trait genes
D Membawa gen yang mengawal jantina
Carry genes that control sex

BUKAN UNTUK DIJUAL

8 Antara berikut, pernyataan yang manakah betul tentang meiosis?
Which of the following statements about meiosis is correct?

A Berlaku di sel soma
Occurs in somatic cell

B Menghasilkan dua sel anak
Produces two daughter cells

C Genetik sel anak berbeza dengan sel induk
The genetics of daughter cells are different from parent cells

D Bilangan kromosom sel anak sama dengan sel induk
The daughter cell has the same number of chromosomes as the parent cell

9 Rajah 2 menunjukkan salah satu peringkat dalam meiosis.
Diagram 2 shows one of the stages in meiosis.



Rajah 2/ *Diagram* 2

Namakan peringkat tersebut.
Name the stage.

A Profasa I
Prophase I

B Metafasa I
Metaphase I

C Anafasa I
Anaphase I

D Telofasa I
Telophase I

10 Berapakah kromosom yang terdapat pada sel gamet manusia?
How many chromosomes are there in human gamete cells?

A 23 **B** 26
C 46 **D** 48

11 Pernyataan di bawah menerangkan satu peringkat yang berlaku dalam mitosis.
The statement below describes a stage that occurs in mitosis.

> Kromatid kembar berpisah dan bergerak ke kutub sel bertentangan.
> *Sister chromatids separate and move to opposite poles of the cell.*

Pada peringkat manakah ia berlaku?
At what stage does it happen?

A Profasa
Prophase

B Metafasa
Metaphase

C Anafasa
Anaphase

D Telofasa
Telophase

12 Apakah maksud alel resesif?
What does recessive allele mean?

A Alel yang mempamerkan ciri yang dikawalnya walaupun dengan kehadiran alel dominan.
An allele that exhibits a controlled trait even with the presence of dominant allele.

B Alel yang hanya mempamerkan ciri yang dikawalnya apabila kedua-dua alel adalah resesif.
An allele that only exhibits a controlled trait when both alleles are recessive.

C Alel yang tidak mempamerkan ciri yang dikawalnya.
An allele that does not exhibit a controlled trait.

D Alel yang diwakili oleh huruf besar.
An allele that represented by capital letters.

13 Kaji pernyataan di bawah.
Study the statement below.

> - Merupakan maklumat genetik.
> *Is a genetic information.*
> - Diwakili oleh huruf besar dan huruf kecil.
> *Represented by uppercase and lowercase letters.*

Pernyataan di atas merujuk kepada
The statement above refers to

A trait.
trait.

B genotip.
genotype.

C fenotip.
phenotype.

D kromosom.
chromosome.

14 Kaji mekanisme pewarisan dalam Rajah 3.
Study the mechanism of inheritance in Diagram 3.



Rajah 3/*Diagram* 3

Antara pasangan berikut, yang manakah benar?
Which of the following pairs is correct?

A	W	t
B	X	T
C	Y	Tt
D	Z	TT

BUKAN UNTUK DIJUAL

15 Rajah 4 menunjukkan kumpulan gamet sperma dan gamet ovum.
Diagram 4 shows a group of sperm gametes and ovum gametes.



Rajah 4/*Diagram 4*

Selepas persenyawaan, kombinasi gamet yang manakah akan menyebabkan penyakit genetik sindrom Turner?
After fertilisation, which combination of gametes will cause the genetic disease Turner syndrome?

A B dan D
B *and* D
B A dan F
A *and* F
C C dan D
C *and* D
D B dan F
B *and* F

16 Berapakah kebarangkalian untuk mendapatkan bayi perempuan bagi satu kehamilan?
What is the probability of getting a female baby for one pregnancy?

A 25%
B 50%
C 75%
D 80%

- Tindak balas antara unsur bukan logam dan bukan logam.
  Reaction of non-metal element and non-metal element.

Manakah susunan yang tepat bagi unsur tersebut?
Which is the correct arrangement for the element?

A


B


C


D


4 Rajah 1 menunjukkan susunan zarah dalam suatu bahan.
Diagram 1 shows the arrangement of particles in a substance.



Rajah 1/*Diagram 1*

Antara berikut, tindak balas unsur yang manakah tepat bagi bahan tersebut?
Which of the following is the correct elemental reaction for the substance?

A Logam dan logam
Metal and metal
B Bukan logam dan bukan logam
Non-metal and non-metal
C Logam dan bukan logam
Metal and non-metal
D Separa logam dan logam
Semi-metal and metal

5 Unsur wujud dalam keadaan atom, molekul dan ion. Unsur yang sama juga boleh wujud dalam bentuk yang berbeza.
Elements exist in the form of atoms, molecules, and ions. The same element can also exist in different forms.
Antara berikut, yang manakah unsur yang dimaksudkan di atas?
Which of the following is the element referred to above?

A Helium
Helium
B Hidrogen
Hydrogen
C Neon
Neon
D Argon
Argon

6 Berapakah jumlah turus menegak dalam Jadual Berkala Unsur Moden?
How many vertical columns are there in the Modern Periodic Table of Elements?

A 7
B 11
C 18
D 20

7 Unsur Kumpulan 17 dikenali sebagai
Group 17 elements are known as

A logam alkali bumi
alkaline earth metals
B gas nadir
inert gases
C logam peralihan
transition metals
D halogen
halogens

BUKAN UNTUK DIJUAL

8 Rajah 2 menunjukkan satu unsur dalam Jadual Berkala Unsur Moden.
Diagram 2 shows an element in the Modern Periodic Table of Elements.



Rajah 2/*Diagram 2*

Kedudukan yang manakah dalam Jadual Berkala Unsur Moden adalah betul bagi unsur yang ditunjukkan dalam Rajah 2?
Which position in the Modern Periodic Table of Elements is correct for the element shown in Diagram 2?



9 Antara berikut, yang manakah tepat tentang susunan unsur dalam Jadual Berkala Unsur Moden?
Which of the following is correct about the arrangement of elements in the Modern Periodic Table of Elements?

A Dari kiri ke kanan, sifat logam bertambah.
From left to right, metallic properties increase.

B Unsur di Kumpulan 18 adalah paling reaktif.
Elements in Group 18 are the most reactive.

C Dari kiri ke kanan, nombor proton meningkat.
From left to right, the proton number increases.

D Unsur peralihan berada di Kumpulan 2 sehingga 12.
Transition elements are located in Groups 2 to 12.

10 Nombor proton bagi satu atom klorin ialah 17.
The proton number of a chlorine atom is 17.
Antara berikut, yang manakah susunan elektron yang stabil bagi unsur itu?
Which of the following is the stable electron arrangement for the element?

A 2.8
B 2.8.1
C 2.8.7
D 2.8.8

11 Satu atom magnesium yang mempunyai 12 elektron membentuk ion magnesium dalam satu tindak balas kimia.
Antara berikut, yang manakah betul tentang pembentukan ion magnesium itu?
A magnesium atom which has 12 electrons becomes magnesium ion in a chemical reaction.
Which of the following is correct about the formation of magnesium ion?

A Susunan oktet elektron bagi ion magnesium itu ialah 2.8.
The octet electron of the magnesium ion is 2.8.

B Susunan oktet elektron bagi ion magnesium itu ialah 2.8.8.
The octet electron of the magnesium ion is 2.8.8.

C Atom magnesium itu menerima 2 elektron untuk membentuk ion magnesium.
The magnesium atom receives 2 electrons to form magnesium ion.

D Ion magnesium yang terbentuk ialah ion negatif.
The magnesium ion being formed is a negative ion.

12 Antara berikut, yang manakah akan membentuk ion negatif?
Which of the following will form a negative ion?



13 Jadual 1 menunjukkan maklumat tentang dua isotop bromin.
Table 1 shows the information of two bromine isotopes.

Isotop ***Isotope***	**Bilangan proton** ***Number of protons***	**Bilangan neutron** ***Number of neutrons***	**Bilangan nukleon** ***Number of nucleons***
Bromin-79 *Bromine-79*	X	Y	79
Bromin-81 *Bromine-81*	35	Z	81

Jadual 1/*Table 1*

Antara berikut, yang manakah X, Y dan Z?
Which of the following are X, Y and Z?

BUKAN UNTUK DIJUAL

	X	Y	Z
A	35	44	33
B	35	44	46
C	36	35	44
D	33	46	35

14 Jadual 2 menunjukkan bilangan proton dan bilangan neutron bagi unsur-unsur K, L, M dan N.
Table 2 *shows the number of protons and neutrons of elements* K, L, M *and* N.

Unsur *Element*	**Bilangan proton** *Number of protons*	**Bilangan neutron** *Number of neutrons*
K	19	20
L	17	20
M	17	18
N	15	16

Jadual 2/*Table* 2

Unsur-unsur yang manakah adalah isotop?
Which elements are isotopes?

A K dan L
K *and* L

B K dan M
K *and* M

C M dan N
M *and* N

D L dan M
L *and* M

15 Apakah kegunaan utama isotop iodin-131 dalam bidang perubatan?
What is the main use of isotope iodine-131 *in medical?*

A Membersihkan peralatan pembedahan
Cleaning surgical equipment

B Mengawet makanan secara radiasi
Preserving food through radiation

C Menguatkan tulang dalam pesakit osteoporosis
Strengthening bones in osteoporosis patients

D Memusnahkan sel kanser di tiroid
Destroys cancer cell in the thyroid

16 Isotop X disuntik ke dalam akar tumbuhan untuk mengkaji penyerapan sejenis baja dalam tumbuhan. Apakah isotop X?
Isotope X *is injected into the roots of plant to study the absorption of a type of fertiliser in the plant. What is isotope* X*?*

A Amerisium-241
Americium-241

B Natrium-24
Sodium-24

C Fosforus-32
Phosphorus-32

D Kobalt-14
Cobalt-14

Kertas 2

Bahagian B

1 Rajah 1 menunjukkan senarai unsur yang diwakili dengan huruf K, L, M, N dan O dengan nombor nukleon serta nombor proton.
Diagram 1 *shows a list of elements represented by letters* K, L, M, N *and* O *with the nucleon numbers and proton numbers.*

7	23	35	27	37	Nombor nukleon *Nucleon number*
K	**L**	**M**	**N**	**O**	
3	11	17	13	17	Nombor proton *Proton number*

Rajah 1/*Diagram* 1

(a) Tulis susunan elektron bagi atom K dan M.
Write down the electron arrangement for atoms K *and* M.

K: _____

M: _____

[2 markah/*marks*]

(b) (i) Berikan **satu** pasangan isotop dari unsur-unsur dalam Rajah 1.
Give **one** *pair of isotopes from the elements in Diagram* 1.

_____

[1 markah/*mark*]

BUKAN UNTUK DIJUAL

(ii) Berikan satu sebab kepada jawapan anda di (b)(i).
Give a reason for your answer in (b)(i).

_____

[1 markah/*mark*]

(c) Nyatakan unsur-unsur yang berada dalam kumpulan yang sama.
State the elements that belong to the same group.

_____

[1 markah/*mark*]

(d) Lengkapkan susunan elektron bagi ion M.
Complete the electron arrangement of ion M.



[1 markah/*mark*]

2 Klorin-35 dan klorin-37 adalah dua isotop klorin. Jadual 1 menunjukkan komposisi atom klorin-37.
Chlorine-35 and chlorine-37 are two isotopes of chlorine. Table 1 shows the composition of a chlorine-37 atom.

Atom *Atom*	**Bilangan proton** *Number of protons*	**Bilangan elektron** *Number of electrons*	**Bilangan neutron** *Number of neutrons*
Klorin-37 *Chlorine-37*	17	17	20

Jadual 1/*Table* 1

(a) Apakah nombor nukleon bagi klorin-37?
What is the nucleon number of chlorine-37?

_____

[1 markah/*mark*]

(b) Berapakah bilangan proton dan bilangan neutron dalam atom klorin-35?
What is the number of protons and number of neutrons in an atom of chlorine-35?

(i) Bilangan proton/ *Number of protons*: _____

(ii) Bilangan neutron/ *Number of neutrons*: _____

[2 markah/*marks*]

(c) (i) Klorin-35 dan klorin-37 mempunyai susunan elektron yang sama. Nyatakan susunan elektron tersebut.
Chlorine-35 and chlorine-37 have the same electron arrangement. State the arrangement of the electrons.

_____

[1 markah/*mark*]

(ii) Jelaskan mengapa susunan elektron tersebut sama.
Explain why the electron arrangement is the same.

_____

[1 markah/*mark*]

BUKAN UNTUK DIJUAL

(d) Natrium-24 merupakan isotop yang bermanfaat dalam pelbagai bidang. Nyatakan **satu** kegunaan isotop natrium-24 dalam bidang perubatan.
Sodium-24 is an isotope that is useful in various fields. State **one** *use of sodium-24 isotope in medicine.*

_____

[1 markah/*mark*]

Bahagian C

3 Rajah 2.1 dan 2.2 merupakan satu unsur yang boleh wujud dalam dua bentuk yang berbeza.
Diagrams 2.1 and 2.2 show an element that can exist in two different forms.



Unsur ferum wujud dalam bentuk atom pada kepala tukul
The iron element exists in the form of atoms in the hammer head

Rajah 2.1/*Diagram* 2.1



Unsur ferum wujud dalam bentuk ion dalam kepala tukul yang berkarat
The iron element exists in the form of ions in rusting hammer head

Rajah 2.2/*Diagram* 2.2

(a) Berdasarkan Rajah 2.1, nyatakan **dua** ciri bahan atom.
Based on Diagram 2.1, state **two** *characteristics of atomic substances.*

[2 markah/*marks*]

(b) Banding bezakan zarah dalam kedua-dua objek di Rajah 2.1 dan Rajah 2.2 berdasarkan kandungan unsur dan jenis zarah.
Compare and contrast the particles in both objects on Diagram 2.1 and Diagram 2.2 based on elemental content and particle type.

[2 markah/*marks*]

VIDEO ULASAN JAWAPAN
Soalan 3b

BUKAN UNTUK DIJUAL

(c) Jadual 2 merupakan satu contoh unsur isotop.
Table 2 shows an example of isotopes of an element.

Isotop *Isotope*	**Bilangan proton** *Number of protons*	**Bilangan elektron** *Number of electrons*	**Bilangan neutron** *Number of neutrons*
Karbon-12 *Carbon*-12	6	6	6
Karbon-13 *Carbon*-13	6	X	7
Karbon-14 *Carbon*-14	6	Y	Z

Jadual 2/*Table* 2

(i) Berdasarkan Jadual 2, apakah yang dimaksudkan dengan isotop dan nyatakan nilai X dan Z.
Based on Table 2, what is the definition of isotopes and state the values of X and Z.

[3 markah/*marks*]

(ii) Jelaskan **dua** kegunaan isotop yang dinyatakan di Jadual 2.
Explain **two** *uses of the isotopes stated in Table 2.*

[2 markah/*marks*]

(d) Radioisotop ialah isotop tidak stabil yang memancarkan sinaran radioaktif. Walaupun radioisotop mengeluarkan sinaran berbahaya, namun radioisotop mempunyai kegunaan yang penting jika dikendalikan dengan betul.
Radioisotopes are unstable isotopes that emit radioactive radiation. Although radioisotopes emitting harmful radiation, radioisotopes have important uses if handled correctly.

Terangkan satu isotop yang digunakan dalam bidang perubatan dan juga digunakan dalam bidang teknologi makanan.
Explain an isotope used in the medical field and also used in the food technology field.

[3 markah/*marks*]

RUANG JAWAPAN BAHAGIAN C

BUKAN UNTUK DIJUAL

BAB 9 Kimia Industri
Chemicals in Industry

NOTES

VIDEO PEMBELAJARAN

NOTA EFEKTIF

9.1 Aloi

1 **Aloi** ialah campuran beberapa jenis logam atau campuran logam dan bukan logam mengikut peratusan tertentu.



2 Atom-atom di dalam logam tulen tersusun rapat secara seragam dan mudah menggelongsor apabila dikenakan daya.



3 Satu atau lebih logam atau bukan logam (unsur asing) yang ditambah ke dalam logam tulen menjadikan lapisan atom logam tulen sukar untuk menggelongsor.



BUKAN UNTUK DIJUAL

4 **Pengaloian** dilakukan untuk membaiki sifat logam tulen.



TIP

Cara menghafal komponen aloi:
- Suku kata pertama merupakan nama aloi.
- Suku kata kedua yang hurufnya ditebalkan adalah komponen utama.
- Suku kata seterusnya adalah komponen asing.

Pi**Ti**AKu Piuter = **Timah** + Antimoni + Kuprum Kegunaan: Membuat piala, bingkai gambar	Ke**Be**Kar Keluli = **Besi** + Karbon Kegunaan: Membuat rangka kenderaan, jambatan, landasan kereta api
Yang**Ku**Zi Loyang = **Kuprum** + Zink Kegunaan: Membuat alat muzik, loceng, tombol pintu	Du**A**MaMaKu Duralumin= **Aluminium** + Mangan + Magnesium + Kuprum Kegunaan: Membuat badan kapal terbang, badan kereta
Gang**Ku**Ti Gangsa = **Kuprum** + Timah Kegunaan: Membuat tugu, ukiran logam, duit syiling, pingat	

5 **Aloi superkonduktor** ialah bahan yang boleh mengkonduksi arus elektrik pada kecekapan yang tinggi tanpa sebarang rintangan.

6 Contoh aplikasi aloi super konduktor:



Kereta api Maglev



Mesin Pengimejan Resonas Magnet (MRI)

9.2 Kaca dan Seramik

1 Kaca diperbuat daripada silika.

2 **Silika** ialah sebatian yang mengandungi silikon dioksida dan wujud secara semula jadi di dalam pasir.

3 Seramik diperbuat daripada tanah liat. Komponen utama tanah liat ialah **aluminium silikat**.

4 Sifat-sifat umum seramik:
- Tahan haba dan tekanan tinggi
- Sangat keras tetapi rapuh
- Lengai terhadap bahan kimia dan tidak berkarat
- Penebat haba dan elektrik yang baik

BUKAN UNTUK DIJUAL

5 Contoh aplikasi kaca dan seramik:

Kaca	Seramik
 Radas makmal (bikar, kelalang kon) • Diperbuat daripada **kaca borosilikat**. • Tahan haba dan bahan kimia.	 **Jubin seramik** • Berkilau - lantai kelihatan bersih dan cantik.
 Penutup kaca mentol • Diperbuat daripada **kaca soda kapur**. • Tahan haba dan mudah dibentuk.	 **Pinggan mangkuk** • Tahan haba dan tidak terkakis.
 **Prisma** • Diperbuat daripada **kaca plumbum**. • Mengkaji penyebaran cahaya.	 **Gigi palsu** • Keras dan kuat. • Lengai terhadap bahan kimia.
 **Tingkap kaca lut sinar** • Membenarkan cahaya masuk ke dalam rumah.	 **Pasu bunga seramik** • Keras dan kuat.

BUKAN UNTUK DIJUAL

9.3 Polimer

1 **Polimer** ialah rantaian molekul panjang yang terbina daripada unit-unit molekul yang lebih kecil (monomer).

2 **Pempolimeran** ialah proses **penggabungan** monomer-monomer melalui pembentukan ikatan kimia untuk menghasilkan polimer.

3 **Penyahpolimeran** ialah proses **penguraian** polimer berantai panjang kepada monomer-monomer melalui tindak balas kimia.



4 Polimer semula jadi dan polimer sintetik:

	Polimer semula jadi	Polimer sintetik
Maksud	Polimer yang dihasilkan secara semula jadi oleh hidupan	Polimer buatan manusia yang dihasilkan melalui tindak balas kimia
Contoh	Protein, kanji, lemak, kapas, sutera, getah asli, selulosa	Politena, nilon, polistirena, perspeks, neoprena

5 **Lateks** ialah susu getah yang diperoleh daripada pokok getah yang ditoreh.

6 **Asid** seperti asid formik dan asid nitrik menyebabkan **lateks menggumpal**.



7 **Alkali** seperti larutan ammonia **menghalang penggumpalan lateks**.



8 **Pemvulkanan** ialah proses penambahan atom sulfur ke dalam getah asli bagi menghasilkan getah tervulkan yang bersifat lebih keras, lebih kuat, lebih kenyal dan tahan terhadap haba.

9 Pemvulkanan boleh dilakukan dengan memanaskan getah asli dengan sulfur.



BUKAN UNTUK DIJUAL

LATIHAN INTENSIF

Kertas 1

1 Antara berikut, yang manakah merupakan aloi?
Which of the following is an alloy?

A Besi
Iron

B Aluminium
Aluminium

C Antimoni
Antimony

D Loyang
Brass

2 Antara pernyataan berikut, yang manakah betul tentang aloi?
Which of the following statements is correct about alloy?

A Aloi lebih lembut berbanding logam tulen.
Alloy is softer than pure metal.

B Aloi mudah teroksida.
Alloy is easily oxidised.

C Lapisan atom aloi mudah menggelongsor apabila dikenakan daya.
Layers of atoms in alloy slide over each other easily when force is applied.

D Aloi boleh dihasilkan melalui campuran logam dengan logam atau bukan logam.
Alloy can be produced by mixing metal with metal or non-metal.

3 Rajah 1 menunjukkan sebuah kapal terbang.
Diagram 1 *shows an aeroplane.*

Rajah 1/*Diagram* 1

Apakah aloi yang digunakan untuk membina badan kapal terbang?
What is the alloy used to build the body of an aeroplane?

A Keluli
Steel

B Piuter
Pewter

C Duralumin
Duralumin

D Gangsa
Bronze

4 Tujuan menambah karbon kepada besi dalam penghasilan keluli adalah untuk
The purpose of adding carbon to iron in the production of steel is to

A mengelakkan atom besi daripada menggelongsor.
prevent the iron atoms from sliding over each other.

B menjadikan keluli lebih menarik.
make the steel more attractive.

C menjadikan keluli lebih lembut.
make the steel softer.

D mengurangkan takat lebur keluli.
lower the melting point of steel.

5 Antara berikut, yang manakah logam-logam yang digunakan untuk membuat loyang?
Which of the following are the metals used to make brass?

A Kuprum dan zink
Copper and zinc

B Kuprum dan timah
Copper and tin

C Kuprum dan aluminium
Copper and aluminium

D Timah dan antimoni
Tin and antimony

6 Susunan zarah yang manakah merupakan sejenis aloi?
Which particle arrangement represents alloy?

A



B



C



D



7 Apakah komposisi utama kaca?
What is the main component of glass?

A Boron oksida
Boron oxide

B Kalsium karbonat
Calcium carbonate

C Silika
Silica

D Natrium oksida
Sodium oxide

8 Antara berikut, yang manakah betul tentang ciri-ciri seramik?
Which of the following is correct about the characteristic of ceramic?

A Tahan haba dan tekanan yang tinggi
Can withstand high temperature and high pressure

B Konduktor elektrik yang baik
Good electric conductor

C Tidak rapuh
Non-brittle

D Boleh bertindak balas dengan bahan kimia
Can react with chemical substance

BUKAN UNTUK DIJUAL

9 Seramik dan kaca kedua-duanya berkongsi beberapa ciri-ciri yang sama. Pilih pernyataan yang betul.
Ceramic and glass both share some similar properties. Choose the correct statement.

A Kedua-duanya adalah logam.
Both are metal.

B Kedua-duanya mempunyai indeks biasan yang tinggi.
Both have high refractive index.

C Kedua-duanya mempunyai ketahananan terhadap pengaratan.
Both have resistance to corrosion.

D Kedua-duanya diperbuat daripada bahan yang sama.
Both are made of same material.

10 Kaca borosilikat digunakan untuk membuat
Borosilicate glass is used to make

A radas makmal.
laboratory apparatus.

B kaca hiasan.
decorative glass.

C cermin.
mirrors.

D kanta optik.
optical lens.

11 Berikut merupakan ciri-ciri bagi Y.
The following are the characteristics of Y.

- Bukan logam/ *Non-metal*
- Tidak lut sinar/ *Not transparent*
- Daya tahan haba yang tinggi
  High resistance to heat
- Kekonduksian haba dan elektrik yang rendah
  Low thermal and electric conductivity

Apakah Y?
What is Y*?*

A Kaca
Glass

B Seramik
Ceramic

C Aloi
Alloy

D Getah
Rubber

12 Polimer ialah
Polymer is a

A unit molekul kecil.
unit of small molecules.

B bahan bukan logam yang terbentuk hasil daripada tindakan haba pada suhu yang tinggi.
non-metallic substance which is formed from a heat reaction at high temperature.

C molekul besar berbentuk rantai yang terdiri daripada gabungan unit molekul kecil.
large-chained molecules which consist of the combination of smaller molecular units.

D campuran logam dengan logam atau bukan logam.
mixture of metal with metal or non-metal.

13 Pasangan polimer dan monomer yang manakah benar?
Which of the following pairs of polymer and monomer is correct?

	Polimer ***Polymer***	**Monomer** ***Monomer***
A	Polietena *Polythene*	Ethane *Ethane*
B	Getah sintetik *Synthetic rubber*	Isoprena *Isoprene*
C	Perspeks *Perspex*	Metil metakrilat *Methyl methacrylate*
D	Polistirena *Polystyrene*	Neoprena *Neoprene*

14 Pernyataan berikut adalah mengenai polimer Z.
The following statement is about polymer Z.

- Polimer semula jadi
  Natural polymer
- Kenyal
  Elastic
- Boleh ditambah baik dengan proses pemvulkanan
  Could be improved by vulcanisation

Apakah polimer Z?
What is polymer Z*?*

A Polistirena
Polystyrene

B Getah asli
Natural rubber

C Gula
Sugar

D Plastik
Plastic

15 Apakah yang harus ditambah kepada lateks untuk mengelakkan penggumpalan lateks?
What should be added to latex to prevent coagulation of latex?

A Asid etanoik
Ethanoic acid

B Larutan ammonia
Ammonia solution

C Air suling
Distilled water

D Sulfur
Sulphur

16 Apakah ciri-ciri yang ditambah baik selepas proses pemvulkanan?
What property is improved after the vulcanisation process?

A Daya tahan haba
Resistance to heat

B Warna
Colour

C Tahan sejuk
Withstand to coldness

D Ketahanan terhadap pengaratan
Resistance to corrosion

BUKAN UNTUK DIJUAL

Kertas 2

Bahagian A

1 Rajah 1.1 menunjukkan satu eksperimen yang dijalankan oleh murid untuk mengkaji pengaratan.
Diagram 1.1 *shows an experiment carried out by a student to study rusting.*



Rajah 1.1/*Diagram* 1.1

(a) Berdasarkan Rajah 1.1,
Based on Diagram 1.1,

(i) nyatakan pemerhatian anda selepas 2 minggu.
state your observation after 2 *weeks.*

_____

[1 markah/*mark*]

(ii) nyatakan **satu** inferens.
state **one** *inference.*

_____

[1 markah/*mark*]

(b) Pemboleh ubah bergerak balas dalam eksperimen ini ialah pengaratan paku. Nyatakan **satu** cara untuk mengawal pemboleh ubah tersebut.
The responding variable in this experiment is nail rusting. State **one** *method to control the variable.*

_____

[1 markah/*mark*]

(c) Murid tersebut menggantikan larutan garam kepada minyak masak. Ramalkan perubahan warna pada paku keluli selepas seminggu.
The student replaces salt solution with cooking oil. Predict the discolouration on steel nail after a week.

_____

[1 markah/*mark*]

BUKAN UNTUK DIJUAL

(d) Rajah 1.2 menunjukkan peralatan memasak.
Diagram 1.2 *shows cooking utensils.*



Rajah 1.2/*Diagram* 1.2

Pada pendapat anda, mengapakah peralatan memasak tersebut diperbuat daripada keluli?
In your opinion, why the cooking utensils is made of steel?

_____

[1 markah/*mark*]

2 Rajah 2.1 menunjukkan suatu eksperimen untuk mengkaji kekerasan aloi dan logam tulen.
Diagram 2.1 *shows an experiment to study the hardness of an alloy and pure metal.*



Rajah 2.1/*Diagram* 2.1

Jadual 1 menunjukkan keputusan eksperimen yang diperolehi.
Table 1 *shows the experimental results obtained.*

Jenis bongkah ***Type of block***	**Diameter lekuk (cm)** ***Diameter of dent (cm)***
Kuprum *Copper*	1.4
Gangsa *Bronze*	0.8

Jadual 1/*Table* 1

VIDEO ULASAN JAWAPAN
Soalan 2a

(a) Nyatakan pemerhatian bagi eksperimen ini.
State the observation for this experiment.

_____

[1 markah/*mark*]

(b) (i) Nyatakan faktor yang diubah dalam eksperimen ini.
State the factor being changed in this experiment.

_____

[1 markah/*mark*]

BUKAN UNTUK DIJUAL

(ii) Nyatakan bagaimana anda mengawal faktor yang diubah.
State how you control the factor that is being changed.

_____

[1 markah/*mark*]

(c) Tandakan (✓) dalam petak yang disediakan bagi bongkah yang akan menghasilkan diameter lekuk yang lebih kecil.
Mark (✓) in the box provided for the block that will produce smaller diameter of dent.

Zink *Zinc*	**Loyang** *Brass*

[1 markah/*mark*]

(d) Rajah 2.2 menunjukkan sebuah jambatan.
Diagram 2.2 *shows a bridge.*



Rajah 2.2/*Diagram* 2.2

Pada pendapat anda, mengapakah jambatan tersebut diperbuat daripada keluli?
In your opinion, why is the bridge is made of steel?

_____

[1 markah/*mark*]

Bahagian B

3 Rajah 3.1 menunjukkan bahan X yang ditambahkan ke dalam lateks.
Diagram 3.1 *shows substance* X *added to the latex.*



Rajah 3.1/ *Diagram* 3.1

(a) Berdasarkan Rajah 3.1, apakah proses Y?
Based on Diagram 3.1, *what is process* Y?

_____

[1 markah/*mark*]

BUKAN UNTUK DIJUAL

(b) Namakan satu contoh bahan X.
Name an example of substance X.

_____

[1 markah/*mark*]

(c) Ramalkan apa yang akan berlaku kepada lateks selepas satu hari jika tiada asid atau alkali ditambah.
Predict what will happen to the latex after one day if no acid or alkali is added.

_____

[1 markah/*mark*]

(d) Rajah 3.2 menunjukkan dua jenis getah yang berbeza, S dan T pada barang harian.
Diagram 3.2 *shows two different types of rubber* S *and* T *on daily items.*



Rajah 3.2/*Diagram* 3.2

Berdasarkan Rajah 3.2, banding dan bezakan getah S dan getah T.
Based on Diagram 3.2*, compare and contrast rubber* S *and rubber* T.

_____

_____

[2 markah/*marks*]

(e) Getah S juga digunakan untuk membuat tayar kereta. Wajarkan.
Rubber S is also used to make car tyre. Justify.

_____

[1 markah/*mark*]

Bahagian C

4

Rajah 4/*Diagram* 4

BUKAN UNTUK DIJUAL

Berdasarkan perbualan dalam Rajah 4, rancang satu eksperimen dalam makmal dengan menggunakan dua jenis paku, serta bahan-bahan dan radas makmal lain yang sesuai untuk mengkaji situasi tersebut.
Based on the conversation in Diagram 4, design an experiment in the laboratory using two types of nail and other suitable materials and apparatus to study the situation.

Perancangan anda haruslah mengandungi aspek-aspek berikut:
Your planning should include the following aspects:

(a) Tujuan eksperimen
Aim of the experiment

[1 markah/*mark*]

(b) Hipotesis
Hypothesis

[1 markah/*mark*]

(c) (i) Cara mengawal faktor yang perlu diubah
How to control factor that needs to be changed

[1 markah/*mark*]

(ii) Cara mengawal faktor yang perlu diperhatikan
How to control factor that needs to be observed

[1 markah/*mark*]

(d) Bahan dan radas
Material and apparatus

[2 markah/*marks*]

(e) Lakaran susunan radas dengan label
Sketching of the labelled apparatus arrangement

[2 markah/*marks*]

(f) **Dua** langkah berjaga-jaga untuk keputusan yang jitu
Two *precaution steps for accurate result*

[2 markah/*marks*]

RUANG JAWAPAN BAHAGIAN C

BUKAN UNTUK DIJUAL

BUKAN UNTUK DIJUAL

BAB 10 Kimia dalam Perubatan dan Kesihatan
Chemicals in Medicine and Health

NOTES

VIDEO PEMBELAJARAN

NOTA EFEKTIF

10.1 Perubatan Tradisional, Perubatan Moden Dan Perubatan Komplementari

1 Ciri-ciri perubatan tradisional, moden dan komplimentari, berserta contoh:

Perubatan tradisional	Perubatan moden	Perubatan komplementari
• Rawatan menggunakan bahan semula jadi (tumbuhan/ haiwan). • Keberkesanan rawatan: Perlahan, memakan masa. • Diwarisi turun termurun. • Pembuktian keberkesanan: Secara pengalaman. • Kos rawatan: Rendah.	• Rawatan menggunakan ubatan sintetik. • Lebih berkesan, lebih cepat. • Kaedah moden (pembedahan, rawatan laser, radioterapi). • Secara klinikal. • Mahal.	• Tidak menggunakan ubatan teraputik, dadah, bahan sintetik kimia. • Tidak melibatkan pembedahan dan jahitan pada tubuh. • Mengambil kira pandangan pengamal perubatan moden dan tradisional.
Contoh: **Aloe vera** Mengurangkan sakit kulit akibat selaran matahari atau terkena benda panas. **Ginseng** Memelihara kesihatan badan. **Halia** Menghilangkan angin badan. **Pokok bunga raya** Melegakan sakit kepala dan keguguran rambut. **Kuinina** Membuat ubat penyakit malaria.	**Contoh:** **Analgesik** Melegakan kesakitan (aspirin, parasetamol, kodeina). **Antibiotik** • Membunuh atau menghalang pertumbuhan bakteria berjangkit. • Dihasilkan daripada kulat/ fungus. • Perlu dihabiskan mengikut dos yang diberikan - bakteria dihapuskan (penisilin, streptomisin). **Psikoteraputik** • Merawat pesakit psikiatrik. • Tidak boleh diambil tanpa preskripsi doktor (stimulan, antidepresan, antipsikotik).	**Contoh:** **Akupunktur** Merangsang sistem saraf untuk melegakan kesakitan. **Kiropraktik** Merawat sakit belakang dan leher, sakit sendi, sakit kepala dan kecederaan sukan. **Urutan tradisional** Melegakan keresahan, kesakitan, keletihan, ketegangan otot dan masalah urat saraf. **Homeopati** Menguatkan keupayaan tubuh melawan penyakit. **Terapi herba** Menggunakan tumbuhan/ bahagian tumbuhan berkhasiat mengubati penyakit.

2 Perbezaan ubat buatan manusia dan ubat sumber semula jadi:

Ubat buatan manusia	Ubat sumber semula jadi
• Dihasilkan di makmal. • Diambil berterusan dan berhenti apabila sembuh. • Bukti penyembuhan: Klinikal.	• Sumber: Tumbuhan/ haiwan. • Diambil berterusan. • Melalui kepercayaan dan pengalaman orang terdahulu.

BUKAN UNTUK DIJUAL

3 Kesan penyalahgunaan ubat-ubatan:
- Menyebabkan kematian.
- Kesan sampingan yang teruk.
- Ketagihan ubat.
- Menyebabkan ubat kurang berkesan untuk melawan penyakit.

10.2 Radikal Bebas

Definisi	Kesan	Faktor dalaman	Faktor luaran
• Atom atau molekul yang kekurangan satu elektron menjadikannya tidak stabil, reaktif dan cenderung untuk menyerang atom atau molekul lain.	• Membentuk bahan karsinogen yang menyebabkan mutasi dan kanser • Penyakit kardiovaskular (jantung) • Ketidaksuburan • Merosakkan buah pinggang, hati dan peparu • Wajah berkedut • Rambut beruban	• Metabolisme • Keradangan sel	• Asap rokok • Sinar UV daripada cahaya matahari • Pencemaran udara • Sisa toksik • Pendedahan kepada radiasi seperti sinaran mengion

10.3 Bahan Antioksidan

Definisi bahan aktif	Contoh
• Sebatian kimia yg diperlukan badan untuk melambatkan dan menghentikan proses pengoksidaan. • Melindungi sel badan daripada kerosakan akibat radikal bebas.	**Beta karotena** Ditemui dalam makanan berwarna jingga, merah atau kuning. – Lobak merah, mangga, ubi keledek **Lutein** Dalam sayuran berdaun hijau – Bayam, kubis, brokoli **Likopena** Ditemui dalam buah-buahan – Betik, jambu batu, tembikai, tomato, aprikot, limau gedang, oren **Vitamin C** Vitamin larut air dikenali sebagai asid askorbik – Buahan sitrus, sayuran hijau, kiwi, strawberi, kranberi dan bijirin **Vitamin E** Jenis minyak seperti minyak sawit dan minyak sayuran. Dikenali sebagai alfa-tokoferol – Kekacang, buahan, sayuran, minyak kelapa sawit, minyak germa gandum, minyak jagung, minyak kacang soya

10.4 Produk Kesihatan

Definisi bahan aktif	Kegunaan
• Komponen tertentu dalam suatu produk yang mempunyai kesan terhadap penyembuhan atau pencegahan penyakit.	**Suplemen** – Memulihkan penyakit dan mengekalkan kesihatan **Multivitamin** – Meningkatkan proses tumbesaran kanak-kanak **Pil vitamin** – Pelengkap kepada amalan pemakanan tidak seimbang

BUKAN UNTUK DIJUAL

LATIHAN INTENSIF

Kertas 1

1 Antara berikut, yang manakah ciri-ciri perubatan tradisional?
Which of the following is a characteristic of traditional medicine?

A Kos rawatan yang tinggi.
High treatment cost.

B Tidak menggunakan ubat-ubat teraputik, dadah dan bahan sintetik kimia.
Does not use therapeutic medicine, drugs and synthetic chemical substance.

C Rawatan menggunakan bahan semula jadi daripada tumbuhan dan haiwan.
Treatment using natural substances from plants and animals.

D Tidak melibatkan pembedahan dan jahitan terhadap tubuh badan.
Does not involve surgery and stitches on body.

2 Maklumat di bawah menunjukkan beberapa ciri satu kaedah perubatan.
The information below shows a few characteristics of a medical option.

- Tidak menggunakan ubat-ubatan, dadah dan bahan sintetik kimia.
  Does not use medicine, drugs and synthetic chemical substance.
- Tidak melibatkan pembedahan dan jahitan terhadap tubuh badan.
  Does not involve surgery and stitches on body.

Apakah kaedah perubatan itu?
What is the medical option?

A Perubatan Islam
Islamic medicine

B Perubatan moden
Modern medicine

C Perubatan tradisional
Traditional medicine

D Perubatan komplimentari
Complementary medicine

3 Antara berikut, yang manakah merupakan ciri-ciri perubatan moden?
Which of the following is a characteristic of modern medicine?

A Rawatan menggunakan bahan semula jadi daripada tumbuh-tumbuhan dan haiwan.
Treatment by using natural materials from plants and animals.

B Pembuktian keberkesanan secara pengalaman.
Prove of effectiveness is based on experience.

C Keberkesanan rawatan lebih perlahan.
Effectiveness of treatment is slower.

D Kos rawatan yang tinggi.
High cost of treatment.

4 Rajah 1 menunjukkan pokok bunga raya yang merupakan sejenis ubat tradisional.
Diagram 1 shows hibiscus plant which is a type of traditional medicine.

Rajah 1/*Diagram* 1

Apakah fungsi daun pokok bunga raya?
What is the function of hibiscus leaves?

A Melegakan bengkak.
Relieves swelling.

B Membuat ubat penyakit malaria.
Make medicine for malaria.

C Merawat masalah keguguran rambut.
Treat hair fall problem.

D Mengurangkan kesakitan kulit akibat selaran matahari.
Reduce pain due to sunburn.

5 Antara berikut, yang manakah merupakan contoh psikoteraputik?
Which of the following is an example of psychotherapeutic?

A Parasetamol
Paracetamol

B Penisilin
Penicillin

C Aspirin
Aspirin

D Dozapin
Doxepin

6 Encik Tan sedang menghidap sakit kepala. Ubat yang manakah harus diambil untuk melegakan kesakitannya?
Mr. Tan is having a headache. Which medicine should be consumed to relieve his pain?

A Aspirin
Aspirin

B Barbiturat
Barbiturate

C Amfetamina
Amphetamine

D Streptomisin
Streptomycin

BUKAN UNTUK DIJUAL

7 Antara berikut, yang manakah antibiotik?
Which of the following is an antibiotic?

A Parasetamol
Paracetamol

B Imipramin
Imipramine

C Haloperidol
Haloperidol

D Penisilin
Penicillin

8 Rajah 2 menunjukkan rawatan komplimentari.
Diagram 2 shows a complimentary treatment.



Rajah 2/*Diagram 2*

Antara berikut, yang manakah kebaikan rawatan tersebut?
Which of the following is the benefit of the treatment?

A Melancarkan peredaran darah
Improve blood circulation

B Melegakan kesakitan
Relieve pain

C Merawat kesuburan
Treat fertility

D Merawat hemofilia
Treat haemophilia

9 Antara perubatan komplementari berikut, yang manakah dapat membetulkan semula kedudukan tulang?
Which of the following complementary medicines can fix the position of the bones?

A Urutan tradisional
Traditional massage

B Akupunktur
Acupuncture

C Terapi herba
Herbal therapy

D Kiropraktik
Chiropractic

10 Rajah 3 menunjukkan rawatan yang diterima oleh seorang lelaki.
Diagram 3 shows the treatment received by a man.

Rajah 3/ *Diagram 3*

Apakah tujuan lelaki itu melakukan rawatan tersebut?
What is the purpose of the man in having the treatment?

A Merangsang sistem saraf
Stimulates the nervous system

B Melegakan ketegangan otot
Relieves muscle tension

C Menguatkan keupayaan tubuh melawan penyakit
Strengthen the body's ability to fight disease

D Membetulkan semula kedudukan tulang
Corrects bone alignment

11 Sesetengah ubatan moden boleh menyebabkan ketagihan sekiranya diambil secara berlebihan. Manakah antara berikut merupakan ubat yang boleh menyebabkan ketagihan?
Some modern medicines could cause addiction if taken in excess.
Which of the following medicine could cause addiction?

A Antibiotik
Antibiotic

B Kokain
Cocaine

C Ubat batuk
Cough medicine

D Homeopati
Homeopathy

12 Apakah itu radikal bebas?
What is a free radical?

A Atom yang mempunyai satu elektron sahaja.
Atom with only one electron.

B Atom atau molekul yang stabil dan tidak reaktif.
Atom or molecule which is stable and non-reactive.

C Atom atau molekul yang bercas positif atau negatif.
Atom or molecule that is either positively-charged or negatively-charged.

D Atom atau molekul yang kekurangan satu elektron.
Atom or molecule that is lack of one electron.

13 Antara berikut, yang manakah merupakan faktor dalaman yang menghasilkan radikal bebas?
Which of the following is an internal factor which produces free radicals?

A Asap rokok
Cigarette smoke

B Keradangan
Inflammation

C Sinar ultraungu
Ultraviolet rays

D Sinaran mengion
Ionising rays

BUKAN UNTUK DIJUAL

14 Antara makanan berikut, yang manakah mengandungi bahan aktioksidan yang dipanggil alfa-tokoferol?
Which of the following food contains antioxidant called alpha-tocopherol?

A


B

C


D


15 Baca pernyataan di bawah mengenai M.
Read the statement below about M.

- Ditemui dalam buah-buahan sitrus seperti lemon dan oren.
  Can be found in citrus fruits such as lemons and oranges.
- Juga dikenali sebagai asid askorbik.
  Also known as ascorbic acid.

Apakah M?
What is M*?*

A Lutein
Lutein
B Antibiotik
Antibiotic
C Vitamin C
Vitamin C
D Vitamin B
Vitamin B

16 Rajah 4 menunjukkan sayur-sayuran hijau.
Diagram 4 *shows green vegetables.*



Rajah 4/*Diagram* 4

Antara bahan antioksidan berikut, yang manakah terdapat banyak dalam sayur-sayuran tersebut?
Which of the following antioxidant substances is abundant in these vegetables?

A Beta karotena
Beta carotene
B Likopena
Lycopene
C Vitamin C
Vitamin C
D Lutein
Lutein

17 Seorang katerer mendapati epal merah yang dipotong dan dihidang di satu majlis perkahwinan telah berubah menjadi warna perang. Apakah saranan terbaik kepada katerer itu?
A caterer found that the red apples she sliced and served at a wedding turned brown. What is the best recommendation for the caterer?

A Merendam epal dalam air suling.
Soak the apples in distilled water.
B Menyimpan epal dalam peti sejuk semalaman.
Store the apples in the refrigerator overnight.
C Merendam epal ke dalam jus buah sitrus sebelum dihidangkan.
Soak the apples in citrus fruit juice before serving.
D Membiarkan epal terdedah kepada cahaya matahari lebih lama.
Leave the apples exposed to sunlight for a longer time.

18 Bagaimanakah produk kesihatan memberikan manfaat kepada kanak-kanak yang dalam proses tumbesaran?
How would a health product gives benefits to childrens who are in growing phase?

A Meningkatkan IQ
Increase IQ
B Meningkatkan EQ
Increase EQ
C Menyediakan nutrien
Provide the nutrients
D Meningkatkan daya ingatan
Improve memory

19 Antara berikut, yang manakah benar tentang bahan aktif?
Which of the following is true about active ingredients?

A Tidak berkesan terhadap penyembuhan penyakit.
Have no effects in recovering from diseases.
B Brokoli merupakan sejenis bahan aktif.
Broccoli is a type of active ingredients.
C Membantu dalam pencegahan penyakit.
Help in preventing diseases.
D Dua atau lebih bahan aktif mesti digunakan bersama.
Two or more active ingredients must be consumed together.

BUKAN UNTUK DIJUAL

20 Rajah 5 menunjukkan multivitamin.
Diagram 5 shows a multivitamin.

Rajah 5/*Diagram* 5

Apakah fungsi bahan tersebut terhadap kesihatan manusia?
What is the function of the substance for human health?

A Meningkatkan proses tumbesaran kanak-kanak
Improves the growth process of children

B Menyembuhkah penyakit
Cures diseases

C Membunuh bakteria berjangkit
Kills infectious bacteria

D Menambah penghasilan hormon dalam badan
Increases the production of hormones in the body

Kertas 2

Bahagian A

1 Rajah 1 menunjukkan satu eksperimen untuk mengkaji kesan jenis larutan yang berbeza terhadap pengoksidaan hirisan buah pisang.
Diagram 1 shows an experiment to study the effect of different types of solutions on the oxidation of slice of banana.



Rajah 1/*Diagram* 1

Kedua-dua hirisan buah pisang tersebut telah direndam selama seminit dan dibiarkan terdedah kepada udara selama 15 minit.
Both slices of banana were soaked for one minute and left exposed to air for 15 minutes.

Jadual 1 menunjukkan keputusan eksperimen itu.
Table 1 shows the results of the experiment.

Jenis larutan *Type of solution*	**Perubahan keadaan pisang** *Change in the state of the banana*
Jus lemon *Lemon juice*	Tiada perubahan *No changes*
Air suling *Distilled water*	Berwarna perang *Brown colour*

Jadual 1/*Table* 1

(a) Apakah pemerhatian yang dapat dibuat daripada eksperimen ini?
What observation can be made from this experiment?

_____

_____

[1 markah/*mark*]

(b) Nyatakan inferens bagi jawapan anda di (a).
State an inference for your answer in (a).

_____

[1 markah/*mark*]

BUKAN UNTUK DIJUAL

(c) Nyatakan cara untuk mengawal pemboleh ubah dimalarkan.
State how to control the constant variable.

_____

[1 markah/*mark*]

(d) Berdasarkan eksperimen ini, nyatakan definisi secara operasi bagi bahan antioksidan.
Based on this experiment, state the operational definition of antioxidant.

_____

_____

[1 markah/*mark*]

(e) Apakah kesan sekiranya seseorang itu kurang mengamalkan pengambilan makanan yang mengandungi bahan antioksidan?
What is the effect if someone does not consume enough foods containing antioxidants?

_____

[1 markah/*mark*]

Bahagian B

2 Rajah 2 menunjukkan beberapa jenis tumbuhan yang digunakan dalam perubatan tradisional.
Diagram 2 *shows a few plants that are used in traditional medicine.*



Rajah 2/*Diagram* 2

(a) Namakan P.
Name P.

_____

[1 markah/*mark*]

(b) Nyatakan fungsi bagi Q dan R.
State the functions of Q *and* R.

Q: _____

R: _____

[2 markah/*marks*]

(c) Nyatakan **satu** ciri perubatan tradisional.
State **one** *characteristic of traditional medicine.*

_____

[1 markah/*mark*]

(d) Adakah perubatan tradisional sesuai untuk mengatasi masalah sakit belakang? Jelaskan.
Is traditional medicine suitable to be used to overcome back pain problems? Explain.

_____

_____

[2 markah/*marks*]

BUKAN UNTUK DIJUAL

3 Rajah 3.1 dan 3.2 menunjukkan bahan-bahan yang mengandungi bahan antioksidan.
Diagrams 3.1 *and* 3.2 *show materials containing antioxidants.*



Rajah 3.1/*Diagram* 3.1



Rajah 3.2/*Diagram* 3.2

(a) Apakah yang dimaksudkan dengan bahan antioksidan?
What is meant by antioxidants?

_____

[1 markah/*mark*]

(b) Apakah bahan antioksidan yang terdapat pada bahan dalam Rajah 3.1?
What antioxidant is present in the material shown in Diagram 3.1*?*

_____

[1 markah/*mark*]

(c) Bahan pada Rajah 3.2 merupakan satu contoh ubat buatan manusia.
Nyatakan **satu** ciri ubatan tersebut.
The material in Diagram 3.2 *is an example of a man-made medicine.*
State **one** *characteristic of this type of medicine.*

_____

[1 markah/*mark*]

(d) Banding bezakan bahan antioksidan pada Rajah 3.1 dan Rajah 3.2.
Compare and contrast the antioxidants in Diagram 3.1 *and Diagram* 3.2*.*

_____

_____

_____

_____

[2 markah/*marks*]

(e) Seorang lelaki berusia 40-an telah mengalami gejala batuk selama 3 bulan dan tidak pulih walaupun sudah mendapatkan rawatan di klinik kesihatan. Apabila dia ke farmasi untuk membeli ubat batuk, ahli farmasi menyarankan lelaki tersebut untuk menggunakan bahan tradisional bagi merawat batuknya. Wajarkan saranan ahli farmasi itu.
A man in his 40s *has been experiencing persistent coughing for three months, which did not improve despite seeking treatment at a health clinic. When he went to the pharmacy to purchase cough medicine, the pharmacist suggested that he use traditional remedies to treat his cough. Justify the pharmacist's recommendation.*

_____

_____

[1 markah/*mark*]

BUKAN UNTUK DIJUAL

4 Rajah 4.1 menunjukkan dua faktor yang menyebabkan kerosakan DNA.
Diagram 4.1 *shows two factors causes* DNA *damage.*



Rajah 4.1/*Diagram* 4.1

(a) Berdasarkan Rajah 4.1, apakah unsur yang menyumbang kepada kerosakan DNA yang terdapat dalam asap rokok dan asap kilang?
Based on Diagram 4.1*, what is the element that contributes to* DNA *damage which found in cigarette and factory smoke?*

_____

[1 markah/*mark*]

(b) Terangkan bagaimana jawapan anda di (a) memberi kesan kepada kesihatan manusia.
Explain how your answer in (a) *can affect on human's health.*

_____

_____

[1 markah/*mark*]

(c) Nyatakan **satu** penyakit yang mungkin dihidapi oleh manusia sekiranya jawapan di (b) berlaku.
State **one** *disease that may encounters by human if answer in* (b) *happens.*

_____

[1 markah/*mark*]

(d) Berikan **dua** contoh lain yang menyumbang kepada kerosakan DNA secara luaran.
Give another **two** *examples that contributes to* DNA *damage externally.*

_____

_____

[2 markah/*marks*]

VIDEO ULASAN JAWAPAN
Soalan 4d

BUKAN UNTUK DIJUAL

(e) Rajah 4.2 menunjukkan wajah Razak dan Aiman yang mempunyai umur yang sama dan tiada masalah kesihatan.
Diagram 4.2 *shows Razak's and Aiman's face that have same age and no health problems.*

	
Razak Pekerjaan: Pengurus syarikat *Job: Manager of a company* – Seorang lelaki/ *A man* – Berusia 30-an/ 30s – Muka licin/ bersih *Smooth/ clean face*	**Aiman** Pekerjaan: Pekerja kilang *Job: Factory worker* – Seorang lelaki/ *A man* – Berusia 30-an/ 30s – Kulit pada dahinya berkedut *Wrinkled skin on the forehead*

Rajah 4.2/*Diagram* 4.2

Didapati kulit muka Aiman sudah berkedut berbanding Razak. Terangkan mengapa hal ini berlaku.
It is found that Aiman's face has wrinkles compared to Razak. Explain why this situation happens.

_____

_____

[1 markah/*mark*]

Bahagian C

5 Rahayu membawa buah epal ke sekolah sempena Majlis Sambutan Hari Raya. Dia memotong buah epal itu lalu merendamnya ke dalam dua larutan yang berbeza. Selepas satu jam, dia menghidangkan buah epal itu kepada rakan-rakannya. Rahayu mendapati buah epal yang direndam di dalam dua larutan itu berbeza warna seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 5.
Rahayu brought apples to school for Hari Raya Celebration. She cut the apples and soaked into two different solutions. After one hour, she served the apples to her friends. Rahayu found that the apples soaked in two solutions had different colours as shown in Diagram 5.

	
Direndam dalam air garam *Soaked in salt water*	Direndam dalam air suling *Soaked in distilled water*

Rajah 5/*Diagram* 5

BUKAN UNTUK DIJUAL

Berdasarkan situasi dalam Rajah 5, jalankan suatu penyiasatan untuk mengkaji pengoksidaan hirisan epal.
Based on situation in Diagram 5, carry out an investigation to study the oxidation of apple slices.

Penyiasatan anda haruslah mengandungi aspek- aspek berikut:
Your investigation must contain the following aspect:

(a) Pernyataan masalah
Problem statement

[1 markah/*mark*]

(b) Hipotesis
Hypothesis

[1 markah/*mark*]

(c) Faktor yang perlu diubah dan cara untuk mengawalnya
Factor that needs to be changed and way to control it

[2 markah/*marks*]

(d) Bahan dan radas
Material and apparatus

[1 markah/*mark*]

(e) Lakaran susunan radas yang berlabel
Sketching of the labelled apparatus arrangement

[3 markah/*marks*]

(f) **Dua** langkah berjaga-jaga
Two *precaution steps*

[2 markah/*marks*]

RUANG JAWAPAN BAHAGIAN C

BUKAN UNTUK DIJUAL

BAB 11 Daya dan Gerakan
Force and Motion

NOTES

VIDEO PEMBELAJARAN

NOTA EFEKTIF

11.1 Gerakan Linear

1 Pengiraan halaju:

Formula halaju

$$v = \frac{s}{t}$$

v = Halaju; s = Sesaran; t = Masa

Contoh soalan

Kirakan halaju troli berdasarkan pita detik di bawah.



Langkah penyelesaian

Langkah 1 : Kira bilangan titik
(6 titik termasuk separuh titik hitam)

Langkah 2 : Kira bilangan detik
= (bilangan titik – 1)
= (6 – 1)
= 5 detik (1 detik bersamaan 0.02 s)

Langkah 3 : Kira tempoh masa = (5 detik x 0.02 s)
= 0.1 s

Langkah 4 : Kira jarak/ sesaran = 5 cm

Langkah 5 : Kira halaju, $v = \frac{s}{t}$

$= \frac{5}{0.1}$

$= 50 \text{ cm s}^{-1}$

2 Pengiraan pecutan/ nyahpecutan:

Formula pecutan

$$a = \frac{(v - u)}{t}$$

a = Pecutan; u = Halaju awal;
v = Halaju akhir; t = Masa

Contoh soalan

Berdasarkan rajah di bawah, hitung pecutan sebuah troli.



Langkah penyelesaian

Langkah 1 : Lihat tanda arah gerakan (ke kanan)

Langkah 2 : Melalui tanda arah (ke kanan), kita dapat tentukan bahagian B adalah jarak awal dan bahagian A adalah jarak akhir.

Langkah 3 : Kira halaju awal, $u = \frac{\text{jarak B}}{\text{masa}}$

$= \frac{5 \text{ cm}}{0.02 \text{ s}}$

$= 250 \text{ cm s}^{-1}$

Langkah 4 : Kira halaju akhir, $v = \frac{\text{jarak A}}{\text{masa}}$

$= \frac{1 \text{ cm}}{0.02 \text{ s}}$

$= 50 \text{ cm s}^{-1}$

Langkah 5 : Kira bilangan detik pada pita = 7

Langkah 6 : Darabkan, 7 detik x 0.02 s = 0.14 s

Langkah 7 : Guna formula pecutan, $a = \frac{(v - u)}{t}$

$= \frac{(50 - 250)}{0.14}$

$= \frac{(-200)}{0.14}$

$= -1\,428.6 \text{ cm s}^{-2}$

Simbol (–) menunjukkan nyahpecutan

3 Pengiraan halaju awal, halaju akhir dan pecutan:

Formula pecutan

$$a = \frac{(v - u)}{t}$$

a = Pecutan
u = Halaju awal
v = Halaju akhir
t = Masa

BUKAN UNTUK DIJUAL

Contoh soalan

Berdasarkan rajah di bawah, hitung pecutan sebuah troli.



